

MATHNAWI
Jalaluddin
RUMI
I

MATHNAWI
Jalaluddin
RUMI
II

MATHNAWI
Jalaluddin
RUMI
III

MATHNAWI
Jalaluddin
RUMI
IV

MATHNAWI
Jalaluddin
RUMI
V

MATHNAWI
Jalaluddin
RUMI
VI



MATHNAWI

Penyelaras
Dr. Mücahit Sami KÜÇÜKTIĞLI

Penyunting
Muhammet Ali ORAK

Penterjemah
Prof. Dr. Sayyid Mohamed Ajmal
Abdul Razak Al-Aidrus
Institut Terjemahan & Buku
Malaysia (ITBM & ISUGU)
production

Pereka Grafik
A. Yasin CANDAN

Penyunting Am
Prof. Madya Dr. Saim KAYADIBI

Pereka Kulit Buku Marmar
Alparslan BABAĞLU

Majlis Perbandaran Konya
Penerbitan Budaya: 212
Perpustakaan Maulana

ISBN
978 - 605 - 389 - 112 - 3

No. Sijil
21473

Pencetak
Erman Ofset
+90 332 342 01 55

Penerbit
KÜLTÜR A.Ş.
+90 332 352 81 11
Mevlana Kültür Merkezi
Karatay - KONYA

www.konyakultur.com

iletisim@konyakultur.com

Edisi Pertama
Januari 2014
KONYA



KARYA AGUNG

MATHNAWI Jalaluddin RUMI

TERJEMAHAN OLEH
PROF. DR. SAYYID MOHAMMED AJMAL BIN ABDUL RAZAK AL-AIDRUS

PENGENALAN

Maulana Jalálu'ddín Rúmi (1207-1273), yang lebih dikenali di Barat sebagai Rumi, merupakan seorang guru kerohanian dan kebatinan yang terunggul dalam sejarah dunia. Beliau berdiri seperti puncak gunung-ganang tinggi menegak di persekitaran perairan luas kewujudan manusia. Risalah kerohaniannya telah menyentuh berjuta-juta sanubari dalam peredaran zaman.

Rumi telah menyatukan ilmu budaya agama, pengetahuan Sufi dan puisi yang tertulis sebelum masanya dengan ketajaman fikiran dan kepetahan. Hidup Maulana dan budaya yang beliau mulakan berupa satu kenyataan mengenai kekentalan risalah kerohanian Islam. Seperti mana yang Rumi sebut dalam "Pendahuluan" karya agung Mathnawi, karyanya bukan lain hanya ulasan makna perkara-perkara tertentu Al-Quran, kitab suci Islam. Dalam bahasa Sufi, Rumi ialah manusia sempurna (al-insán al-kámil) yang telah menyanyikan sebuah lagu yang teramat merdu dan bermakna mengenai cinta, belas kasihan dan ketemanan.

Rúmi ialah seorang guru kerohanian sebelum segalanya. Beliau telah menulis puisi tetapi tidak boleh dianggap hanya sebagai penyair sahaja. Beliau telah menyampaikan cerita tetapi tidak boleh dilihat sebagai hanya pencerita sahaja. Jauh daripada apa yang orang sangkakan, beliau bukanlah seorang guru untuk satu agama zaman baru moden. Beliau seorang murshid dan pír, seorang mahaguru yang memimpin kepada jalan kesempurnaan dan pencapaian kerohanian. Seperti yang telah terbukti dalam sejarah lama budaya Maulana dan kemasyhuran terkini Rumi di seluruh dunia, semua insan menemui sesuatu dalamnya. Kita jelaskan dengan satu peribahasa abadinya, "Matahari bersinar di atas taman serta lumpur." Namun setiap insan "menggambil bahagiannya daripada lautan

sebanyak mana yang cawan masing-masing dapat mengandungi." Mathnawi merupakan matahari yang bersinar ke atas setiap jiwa dan hati.

Keadaan kini manusiawi terlakar dengan satu krisis kedaifan kerohanian. Masalah yang tidak terhitung yang menyelubungi kita perlukan perhatian segera, dan saya ketahui satu kenyataan: kita dapat mengharungi rintangan ini hanya dengan balik kepada risalah abadi Rumi mengenai kebebasan cinta dan kerohanian.

Risalah ini untuk semua dan semua zaman, dan ini melangkau batasan kenegaraan dan bahasa. Seperti mana yang dikatakan oleh Rumi dengan begitu indah, "Sekiranya hanya yang baik sahaja datang ke pintu kamu, ke manakah yang tidak bernasib baik akan pergi?"

Di sini saya ingin memuliakan Prof. Dr. Sayyid Mohamed Ajmal Abdul Razak Al-Aidrús, seorang pemikir Islam terkenal, kerana sumbangan besar terjemahan Bahasa Melayu sastera karya agung Mathnawinya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Saim Kayadibi yang telah menyumbang tenaga untuk membolehkan pencetakan buku ini, termasuk semua yang terlibat dalam penerbitan karya ini. Semoga karya baru ini membawa berkat dan kemanfaatan.

Tahir Akyürek

Datuk Bandar Kawasan Perbandaran Metropolitan Konya, Turkey.

Kata Pengantar¹

Jalal al-Din Muhammad Balkhi, juga dikenali sebagai Rumi, penyair syair Parsi dan guru rohani dari abad 7H/13M yang tidak ada tolak bandingnya, dilahirkan dan dibesarkan di Balkhi tetapi menghabiskan hidupnya di Anatolia dan meninggal serta dikebumikan di Konya. Tidak syak lagi, beliau suara alam sejagat risalah kerohanian Islam pada hari ini. Di Barat, syairnya lebih banyak dibaca berbanding mana-mana penyair Islam dan beliau adalah sebenarnya penyair yang paling banyak dibaca syairnya daripada segala penyair lain berdasarkan jumlah penjualan buku-buku syairnya. Pengaruhnya yang sememangnya sangat ketara di dunia pengguna bahasa Parsi, Turki, Bosnia, Albania dan bahagian-bahagian India-Pakistan dalam beberapa abad yang lepas, kini sedang menarik minat yang lebih kuat di bahagian-bahagian dunia Islam seperti Arab dan Melayu. Ketokohan beliau juga sedang mula diberikan perhatian dan menjadi penting di dunia bukan Islam dan bukan Barat seperti India Hindu dan juga Cina dan Jepun.

Rumi telah pun dikenali sebagai seorang alim Islam yang masyhur yang jiwanya disemarakkan melalui penemuan dengan manusia yang menakjubkan, Shams al-Din Tabrizi dan natijahnya ialah sebuah lautan syair yang lahir dari cinta agung kepada Tuhan dan ilmu makrifat Tuhan memancar dari roh penyair dan peramal yang tidak ada tolak bandingnya ini. Beliau ada menulis beberapa karya prosa seperti buku *Parsi Fihī ma fihī* dan *Sab al-Majalis*, yang kemudian disebutkan ini ialah satu-satunya karya dalam bahasa Arab bersama beberapa syair yang ditulis dalam bahasa ini, dengan beberapa potongan syair

¹ Kata Pengantar diterjemahkan daripada bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu oleh Prof. Ajmal.

yang ditulis dalam bahasa Yunani percakapan yang pada masa itu, sedikit sebanyak, masih digunakan di Anatolia zamannya. Tetapi sebilangan besar karyanya ialah syair-syair Parsi, termasuk beberapa banyak syair empat rangkap dan semestinya *Diwan-i-Shams* yang juga dikenali sebagai *Diwan-i-Kabir* yang mengandungi lebih dari 25 000 rangkap syair mengujakan yang dikarang dalam bentuk *ghazal*. Hanya pada akhir hayatnya, beliau mengalihkan perhatiannya kepada mengarang *Mathnawi* yang besar ini dalam bentuk syair dua rangkap atau *mathnawi*. Karyanya sendiri dikenali sebagai *Mathnawi*. Sehingga hari ini, walaupun ada syair karya agung yang lain dalam bentuk *mathnawi* oleh penyair Parsi seperti Sanai dan Attar yang hidup sebelum Rumi dan mempengaruhinya, tetapi apabila seseorang mengatakan *Mathnawi* dalam bahasa Parsi dan juga dalam bahasa lain, maksudnya ialah *Mathnawi* Jalaluddin Rumi. Karya inilah yang digelar oleh Jami, yang karyanya dikenali oleh tokoh-tokoh Sufi Melayu lama, sebagai "Quran dalam bahasa Parsi" dan kepada orang yang berbahasa Parsi sebagai *darya-yi marifat*, iaitu, "lautan marifat." R.A. Nicholson, penterjemah karya ini ke dalam bahasa Inggeris, menggelarnya "syair kebatinan terunggul yang pernah dikarang."

Mathnawi terdiri daripada enam jilid yang ditulis dalam jangka masa yang lama. Secara zahir karya ini kelihatan seperti satu gabungan cerita tanpa rangka. Tetapi ini bukan hakikatnya daripada rumusan kajian, terutamanya yang dilakukan oleh Seyed Ghahreman Safavi, yang mendedahkan bahawa apa yang kelihatan seperti hikayat-hikayat kebatinan yang tiada kaitan yang diselit dengan rangkap-rangkap yang berkaitan dengan ajaran Sufi dan hikmah semula jadi, sekiranya dibaca secara menyeluruh memperlihatkan wujudnya satu rangka yang berdasarkan keselarian dan simpulan bahasa yang berlawanan menyebabkan pelbagai kisah dapat dilihat menyokong dan memantul

satu sama lain. *Mathnawi* juga, dalam erti kata yang terdalam, satu kupasan intisari Al-Quran yang Mulia dengan kebanyakan ayat atau barisnya dimasukkan dalam bentuk syair yang menzahirkan makna tersirat sementara di beberapa tempat bahasa Arab asal digunakan dalam rangkap Rumi sendiri. Banyak juga rujukan di dalam *Mathnawi* bersumber daripada Sunnah dan Hadith dan juga sejarah suci Islam. Rumi seorang pakar ilmu-ilmu Islam, dan kita akan temui di dalamnya tumpuan yang diungkapkan secara bersyair dalam isu-isu teologi dan falsafah daripada persoalan mengenai kebebasan membuat pilihan dan persoalan penentuan kepada isu-isu metafizika yang berhubung kait dengan sifat semula jadi kewujudan, zat dan bentuk, sifat semula jadi manusia dan ke-ada-annya, dan sudah tentu kehadiran cinta yang bersifat manusia dan Tuhan, dan sifat semula jadi ilmu keterangan jiwa dan epistemologi yang diteliti dari sudut Sufi.

Karya syair Sufi terunggul lagi hebat ini memberikan satu falsafah yang menyeluruh mengenai konsep kewujudan, penyuaran ilmu alam sejagat yang sangat penting dan mungkin huraian paling mendalam mengenai ilmu keindahan Islam daripada mana-mana karya Islam. Karya ini hasil yang paling hebat daripada aliran Sufi Khorasan yang bersusur-galur kepada tokoh seperti Bayazid Bastami dan Abul Qasim Qusyayri, dan dengan merujuk syair Sufi Parsi, keagungan dan pengaruh Abu Said Abil-Khair, Sani dan Attar ke atas dirinya sendiri disebut secara khusus oleh Rumi.

Pengaruh *Mathnawi* begitu kuat, bukan sahaja kepada dunia yang menggunakan bahasa Parsi dan Turki, tetapi juga Bosnia, Albania dan dunia India. Antara huraian yang paling baik ditulis mengenai karya ini di luar dunia Parsi ialah huraian oleh orang Turki, Bosnia dan India yang bahasa ibunda mereka

bukan bahasa Parsi. Malah *mathnawi-khwani* atau melagukan *Mathnawi* telah menghasilkan beberapa bentuk bunyi-bunyian yang hebat di bahagian dunia yang jauh dari satu sama lain seperti Bosnia dan Sind. Karya yang panjang ini juga telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa Islam. Sebaik sahaja *Mathnawi* diterbitkan, ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, dan tujuh abad kemudian diterjemahkan untuk kali kedua ke dalam bahasa ini. Di sebelah dunia Barat pula, ia diterjemahkan ke dalam bahasa Eropah sepenuhnya untuk kali pertama oleh R.A. Nicholson yang memakan masa empat puluh tahun menterjemahkan kesemua enam buku secara amat teliti ke dalam bahasa Inggeris. Karya ini disusuli dengan beberapa penterjemahan dari bahagian-bahagian *Mathnawi* ke dalam syair bahasa Inggeris dan juga syair bahasa Jerman, Perancis dan bahasa Eropah lain.

Bercakap berkenaan *Mathnawi* kita tidak harus lupa menyebut peranannya dalam pembentukan beberapa pembahagian bunyi-bunyian termasuk muzik Turki, Parsi dan Sindi atau peranan pentingnya dalam tarian suci atau *sama* Tariqat Mawlawiyyah, tarian yang dirujuk di Barat sebagai darwis-darwis yang berputar, sekarang menjadi begitu terkenal di Eropah dan Amerika. Tariqat Mawlawiyyah yang diasaskan oleh Rumi dan disusun oleh anaknya, memainkan peranan penting di dunia Osmaniah, dan penghidupan kerohanian, seni dan juga kemasyarakatan orang-orang Osmaniah menjadi sehati dengan pengajaran dan amalan tariqah ini dan ajaran daripada *Mathnawi*.

Kini, selepas beberapa abad, akhirnya karya ini disampaikan buat kali pertama kepada dunia Melayu dalam bahasanya sendiri. Islam datang ke dunia Melayu secara khusus melalui

dua kawasan: Hadhramaut dan India Muslim dan ajaran Sufi memainkan peranan yang penting dalam mengislamkan orang Melayu dan perkembangan sastera Melayu. Antara tokoh terkemuka, yang memainkan peranan penting dalam perkembangan sastera orang Melayu dan memperkukuh budaya fikiran Islam dalam kalangan orang Melayu, ialah Hamzah Fansuri yang bukan sahaja fasih dalam bahasa Arab tetapi juga bahasa Parsi. Walaupun beliau dikaitkan khususnya dengan aliran fikiran Ibnu Arabi, sedikit sebanyak daripada pengaruh Rumi juga pasti telah sampai kepadanya. Begitu juga penulis-penulis Melayu lain melalui tokoh-tokoh seperti Jami, yang dikaitkan dengan budaya kedua-dua Ibnu Arabi dan Rumi dan juga melalui sedikit sebanyak daripada sumber-sumber India Islam yang telah memasuki secara terus atau sebaliknya dengan ajaran Rumi. Tetapi kita, bagaimanapun, terpaksa menunggu sehingga sekarang untuk menikmati hasil penterjemahan karya agung guru ini dalam bahasa Melayu.

Penterjemahan ini juga satu petunjuk bagi satu aliran penting yang dapat dilihat semenjak kemerdekaan Indonesia dan Malaysia. Sehingga pertengahan abad 14H/20M, dunia Melayu bukan sahaja dari segi kedudukan geografi, tetapi secara aliran fikiran, berada di garisan dunia Islam. Semenjak itu arus aliran fikiran di pelbagai bahagian telah membawa dunia Melayu lebih ke tengah gelanggang kehidupan aliran pemikiran Islam. Budaya penting falsafah Islam kini diajar dengan tumpuan besar di Malaysia dan Indonesia. Karya-karya cendekiawan Melayu dalam bidang-bidang yang sangat penting kepada orang Islam zaman ini seperti falsafah sains, agama dan sains, dan Islam dan sekularisme sedang menarik minat dunia Islam dan pelbagai jalinan hubungan sedang berlaku antara cendekiawan dan pemikir Islam dan mereka dari segala pelosok lain *dar*

al-islam.

Terjemahan *Mathnawi* ke dalam bahasa Melayu bukan sahaja memperkayakan sastera Melayu dengan hebatnya, tetapi juga berupa satu langkah yang penting dalam usaha penyatuan kerohanian dan kehidupan intelektual orang Melayu ke dalam arus perdana Islam. Kini, akhirnya, mereka yang bahasa ibundanya bahasa Melayu berpeluang memperkayakan jiwa dan akal mereka daripada harta-harta yang tidak terlupus dari "lautan makrifat" ini seperti yang dilakukan saudara seagama mereka di Iran, Afghanistan, Turki, Balkan, Asia Tengah, dan India Islam, dari Baluchistan dan Sind ke Benggala selama tujuh abad yang lepas. Selayaknyalah kita berterima kasih kepada penterjemah, Prof. Mohd Ajmal bin Abdul Razak Al-Aidruss, yang dengan penguasaan ilmu dan kepersisan daya tumpuan, dan kejituan iltizam telah menyelesaikan tugas yang menggunung menterjemah *Mathnawi* ke dalam bahasa lebih dua ratus juta orang. Kami hanya boleh mengucapkan kepadanya *jazakallahu azza wa jall*.

Prof. Dr. Seyyed Hossein Nasr
Washington, D.C.
Rabi al-thani 1431 (A.H.)
April 2010 (A.D.)

Sekapur Sirih...

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Lagi
Maha Penyayang

Kitab Mathnawi karangan Maulana Jalaluddin Rumi merupakan salah sebuah karya teragung pernah dihasilkan oleh akal manusia. Ia termasyhur ke seluruh dunia. Walaupun ia buah pena seorang insan Muslim, namun daya tarikkannya merentas sempadan kaum, bangsa dan agama. Peminat-peminatnya terdiri daripada manusia pelbagai keturunan, warna kulit dan bahasa di muka bumi ini. Dalam kalangan peminat-peminat ini ada orang Yahudi, orang Nasrani, orang Hindu, orang Majusi dan penganut-penganut agama lain. Malahan ada juga mereka yang dikatakan tidak mempunyai apa-apa agama pun. Namun demikian, sudah tentulah peminat Mathnawi paling ramai datangnya dari dunia umat Islam sendiri memandangkan bahawa pengarangnya ialah seorang alim, penyair dan pemikir Islam yang hidup dan mati dalam dunia kerohanian dan kebudayaan Islam. Tambah lagi, Mathnawi diilhamkan daripada al-Qur'an, kitab suci paling agung bagi umat Islam.

Daya tarikan Mathnawi juga merentas zaman. Kini kitab ini sudah berusia hampir 800 tahun.¹ Sejak dunia mula mengenalinya hinggalah ke zaman

¹ Pada tahun 2007 berbagai-bagai majlis, peristiwa dan aktiviti telah diadakan di merata tempat di dunia bagi mengingati ulang tahun ke-800 kelahiran Maulana Rumi. Perhimpunan terbesar berlangsung di Istanbul, Turki di mana satu simposium antarabangsa untuk memperingati Rumi telah diadakan. Simposium tersebut yang dianjurkan bersama oleh UNESCO dan Projek Ulangtahun ke-800 Kelahiran Rumi telah berjaya menarik peserta-peserta dari seluruh dunia. Kertas-kertas yang dibentangkan di simposium tersebut telah pun diterbitkan dalam empat jilid dengan judul *International Mevlana Symposium Papers* (Istanbul: Motto Project, 2010).

kita ini, minat dan keghairahan manusia terhadap isi kandungannya yang penuh dengan hikmah dan terungkap dalam bahasa yang indah tidak pernah pudar dan malap. Di dunia Islam khususnya, berjuta-juta manusia mendapat ilham daripada buku ini untuk berkarya, bersyair dan berfalsafah. Ramai mereka yang cuba menjiwai risalah buku ini dengan cara menghafal ayat-ayatnya menurut pilihan masing-masing. Ayat-ayat yang dihafal kemudiannya dibaca atau dideklamasikan, dinyanyi atau didendangkan dengan penuh perasaan di pesta-pesta kebudayaan dan hiburan, majlis-majlis syair dan pelbagai lagi jenis kegiatan keramaian. Demikianlah apa yang berlaku kepada Mathnawi di beberapa banyak tempat di bumi Islam sepanjang lapan kurun yang lalu terutama sekali dalam kalangan umat yang berbudaya Parsi dan Turki dan yang berjiran dengannya seperti budaya Islam di benua kecil India. Kesan dan dampak Mathnawi kepada jiwa dan pemikiran umat Islam tidak terbatas kepada golongan seniman dan ilmuwan. Pengaruh buku ini didapati menular dan meresap ke segenap lapisan masyarakat. Mathnawi benar-benar merupakan sebuah karya agung yang tersohor. Bak kata seorang penulis dari Bangladesh: "Rumi mengalir dalam darah bangsaku."²

Dunia Barat hanya mengenali Rumi dan Mathnawi pada zaman moden, iaitu mulai kurun ke-19 Masihi apabila bahagian-bahagian tertentu kitab tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Jerman dan bahasa Inggeris. Tetapi dengan adanya terjemahan lengkap dalam beberapa bahasa Eropah minat orang Barat terhadap buku ini kian bertambah dan meluas. Sepanjang dua dekad yang lalu, syair-syair Rumi mendapat sambutan begitu hangat di Amerika Syarikat sehinggakan tahun demi tahun tokoh penyair Islam ini

² Mustafa Zaman Abbasi, 'Rumi viewed in Bengali sufistic tradition,' *International Mevlana Symposium Papers* (Istanbul: Motto Project, 2010), jilid 3, hal. 1015.

telah dinobatkan sebagai penyair paling masyhur di negara tersebut.

Rumi yang telah lama kembali ke alam baqa menakjubkan dunia moden apabila beliau didapati mempunyai ramai peminat di dunia Barat dewasa ini. Dalam beberapa segi, sambutan hangat di Barat terhadap Rumi dan Mathnawi merupakan satu perkembangan semasa yang menggembirakan apatah lagi jika dilihat dari kaca mata Islam. Aspek kegembiraan yang dimaksudkan merujuk kepada peranan penting yang sedang dimainkan oleh Rumi dan syair-syairnya dalam menarik orang Barat untuk mengenali Islam. Kita sedia maklum bahawa sejak peristiwa ngeri 11 September 2001, angin Islamofobia, fenomena menakut-nakutkan masyarakat kepada Islam serta memomok-momokkannya supaya orang ramai benci kepadanya, telah bertiup kencang di dunia Barat sehingga menimbulkan keresahan dan kegelisahan dalam kalangan masyarakat minoriti Islam di sana.

Dalam suasana dan keadaan orang Barat ditakutkan kepada Islam inilah peranan Mathnawi dan syair-syair Rumi yang lain sebagai penawar kepada penyakit Islamophobia dapat dihargai dengan lebih baik lagi. Sebahagian rakyat Amerika yang anti-Islam bertindak secara terbuka menghina al-Qur'an dengan bermacam-macam cara seperti dengan memijak-mijaknya dan mengoyak-ngoyakkannya. Malahan mereka merancang untuk mengadakan "pesta membakar al-Qur'an!" Maha Suci Allah yang berjanji untuk memelihara al-Qur'an sebagai kitab sucinya yang terakhir untuk umat manusia. Cara Allah s.w.t. memelihara keaslian, kebenaran dan kesucian kitab al-Qur'an adalah berbagai-bagai. Salah satu caranya adalah menerusi tradisi tafsir al-Qur'an yang berwibawa. Dan Mathnawi disifatkan oleh sebilangan

ilmuwan dan sarjana sebagai tafsir al-Qur'an terbaik pernah dihasilkan dalam bentuk syair.

Tertarik pada Mathnawi bermakna bahawa seseorang itu juga tertarik kepada al-Qur'an kerana Mathnawi sendiri menegaskan tentang dirinya bahawa ia sebenarnya "penjelas, pengurai dan penerang al-Qur'an."³ Di Amerika, Mathnawi berperanan sebagai pendakwah yang berkesan dalam mengajak dan memanggil manusia kepada al-Qur'an dan kepada Allah s.w.t. di tengah-tengah masyarakat yang bergelora lantaran tiupan kencang angin Islamophobia. Mathnawi wujud kerana al-Qur'an. Sekiranya tidak ada al-Qur'an, Mathnawi tidak mungkin wujud. Mathnawi berjasa kepada Tuhan dan kepada manusia kerana ia berjaya membawa banyak manusia kepada penghayatan al-Qur'an dan menerusi risalah al-Qur'an membawa manusia kepada Allah sendiri.

Memang benar terdapat sebilangan peminat Mathnawi mahu melihatnya sebagai karya syair yang tidak membuat sebarang rujukan kepada Tuhan dan yang tidak ada kena mengena dengan hakikat ketuhanan dan hakikat kerohanian. Dengan kata lain, Mathnawi mahu disekularkan! Tetapi Mathnawi dalam bahasanya yang asal, iaitu bahasa Parsi, dan Mathnawi dalam versi-versi terjemahannya dalam pelbagai bahasa yang setia kepada teks dan makna asalnya akan sentiasa terserlah sebagai "saksi Allah" dan sebagai risalah untuk membimbing manusia menyelami dasar lautan agama dan menunjukkan jalan menuju kepada pertemuan dengan Raja Hari Agama (Pemilik Hari Pembalasan).

Kehebatan Mathnawi memang sukar disangkal. Sama ada ia dilihat sebagai sebuah karya seni

³ Reynold A. Nicholson, penyunting dan penterjemah, *The Mathnawi of Jalaluddin Rumi* (Cambridge: E. J. W. Gibb Memorial Trust, 1982), vol. II, hal. 3.

atau sebuah karya ilmiah keluarbiasaannya tertonjol dalam pelbagai segi. Antara ciri-ciri istimewanya, yang pertama ialah kejayaannya mengimbangi dan mengharmonikan antara risalah kesejagatan dan risalah kekhususan. Yang dimaksudkan dengan risalah kesejagatan ialah himpunan ajaran dan nilai yang diterima sebagai benar sepanjang zaman oleh semua agama dan peradaban. Yang dimaksudkan dengan risalah kekhususan pula ialah himpunan ajaran dan nilai yang dikhususkan bagi umat Nabi Muhammad s.a.w. terutamanya yang berhubung dengan hukum-hukum syariat. Kedua-dua dimensi risalah ini terdapat di dalam al-Qur'an. Sebagai sebuah tafsir al-Qur'an, Mathnawi bukan sekadar mengandungi kedua-dua dimensi risalah ini, malah berjaya mengimbangi dan mengharmonikan antara kedua-duanya.

Faktor utama daya tarikan Mathnawi merentasi sempadan kaum, bangsa dan agama ialah risalah kesejagatannya. Mathnawi banyak merujuk kepada keinginan tabii manusia yang abadi untuk mengenal diri dan mencari Tuhan baik di alam kecil 'yang terkandung dalam setiap diri individu insan atau di alam besar' yang terbentang luas di luar dirinya. Ia juga merujuk kepada keinginan tabii manusia untuk bersatu semula dengan Maha Pencipta setelah berpisah daripadanya.⁴ Lantaran itu Mathnawi

4 Yang dimaksudkan dengan "alam kecil" di sini merujuk kepada apa yang diistilahkan dalam bahasa Arab dalam beberapa bidang ilmu Islam sebagai *al-'alam al-saghir* dan dalam tradisi ilmu Barat sebagai *microcosm*.

5 Maksud "alam besar" adalah sama dengan pengertian *al-'alam al-kabir* dalam tradisi ilmu Islam dan *macrocosm* dalam tradisi ilmu Barat.

6 Rumi memulakan syairnya dalam Mathnawi dengan menceritakan kisah perpisahan: Dengarlah seruling ini betapa ia mengadu: ia sedang menceritakan satu kisah mengenai perpisahan. Dengan berkata, "Semenjak aku dipisahkan dari dasar rumpun buluh, lelaki dan perempuan telah meraung dengan ratapanku.... Sefiap orang

banyak membicarakan rahsia jiwa-raga, akal-budi dan hati-kalbu manusia. Hanya setelah tersingkapnya tabir ajaib dan termahal ini di dalam dirinya barulah dapat manusia mencapai cita-cita yang diinginkan itu. Tidak ada cita-cita manusia yang lebih sejagat daripada cita-cita tersebut kerana ia tabii kepada semua manusia. Oleh sebab cita-cita tertinggi hati kalbu manusia juga bersifat abadi maka daya tarikan Mathnawi turut merentasi zaman. Maka tidaklah menghairankan kita sekiranya di dunia Barat moden di mana buat sekian lamanya Tuhan telah "dikeluarkan" daripada kehidupan manusia sehingga sesetengah pihak mengisytiharkan "Tuhan telah mati," ramai dalam kalangan generasi muda hari ini mahu mencari Tuhan dalam syair-syair Rumi.

Ciri istimewa kedua Mathnawi ialah kemenyeluruhan dan keserba-anekaan cakupan risalahnya. Terdapat di dalamnya berbagai-bagai jenis kebenaran yang relevan kepada semua bidang ilmu pengetahuan. Intipati kebenaran yang dibicarakan oleh Mathnawi ialah hakikat ketuhanan. Bagi Rumi, ilmu tertinggi lagi paling agung ialah ilmu hakikat ketuhanan yang beliau namakan "usul usul al-din."⁷ Nampaknya bagi beliau, ilmu inilah teologi yang sebenar, yang jauh lebih teras dan lebih mendalam daripada ilmu usuluddin yang diajarkan di kebanyakan institusi pengajian Islam di dunia. Para pencinta dan pengamal ilmu-ilmu lain mendapat habuan masing-masing daripada Mathnawi. Ada kebenaran di dalamnya untuk ilmu psikologi, ada untuk antropologi, khususnya antropologi kerohanian dan untuk ilmu kemasyarakatan; ada untuk ilmu

yang ditinggalkan jauh dari sumbernya inginkan kembali saat apabila dia bersatu dengannya."

Lihat terjemahan Prof. Ajmal dalam buku ini.

7 Reynold Nicholson, penyunting dan penterjemah, *The Mathnawi of Jalaluddin Rumi*, hal. 3.

sejarah dan ilmu perbandingan agama; ada untuk sains tabii dan ilmu bahasa; dan seterusnya ada untuk ilmu-ilmu lain.

Ciri istimewa ketiga Mathnawi ialah roh ketauhidannya. Intipati ajaran al-Qur'an ialah hakikat tauhid, yakni hakikat keEsaan Allah s.w.t. Hakikat tauhid inilah yang terzahir sebagai hakikat kesatuan ('unity') dalam alam penciptaan dan dalam alam manusia. Alam semesta atau kosmos memperlihatkan hakikat kesatuan; alam kehidupan manusia memperlihatkan hakikat kesatuan; bidang ilmu pengetahuan juga memperlihatkan hakikat kesatuan. Mathnawi berjaya menghayati hakikat tauhid dalam penyampaian risalahnya. Walaupun risalah, tema dan isu, juga kebenaran dan hakikat, beraneka rupa dan macam yang ditangani oleh kitab ini, namun semangat ketauhidan jelas kelihatan padanya. Kepintaran al-Qur'an ialah penghayatan kesatuan dalam keanekaan dan kepelbagaian ('unity in diversity') dalam semua bahagian alam semesta dan dalam semua lapangan hidup manusia selaras dengan intipati risalahnya, iaitu tauhid. Mathnawi mahu mencontohinya dalam penghayatan tauhid. Ia berjaya pada tahap karya insan untuk menjadi bayang al-Qur'an.

Ada banyak lagi ciri istimewa Mathnawi yang tidak dapat disebutkan di sini disebabkan batasan ruang dan masa. Bagaimanapun, pelbagai keistimewaan Mathnawi yang telah pun digambarkan di halaman-halaman sebelumnya tadi sudah mencukupi untuk menjelaskan kewajaran buku ini diterbitkan dalam bahasa Melayu. Karya-karya agung warisan tamadun Islam wajar diterbitkan dalam versi bahasa Melayu supaya generasi muda terutamanya, yang tidak menguasai bahasa-bahasa asalnya, dapat membacanya dan mengambil pengajaran berguna daripadanya. Mathnawi tergolong sebagai karya agung umat

Islam yang sepatutnya sudah lama diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu (versi Malaysia dan Indonesia). Atas kesedaran inilah saya sangat mengalu-alukan penerbitan terjemahan ulung Melayu daripada kitab masyhur ini yang saya kira amat bersejarah bagi umat Islam di Asia Tenggara ini, khususnya umat berbahasa Melayu seramai sekitar 230 juta orang.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan dengan ikhlas hati kepada sahabat karib dan teman sejawatan saya, Prof. Mohd Ajmal Al-Aidrus yang kini bertugas di ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa. Saya memuji keupayaannya untuk menyiapkan enam jilid manuskrip buku agung ini dalam tempoh masa yang boleh dianggap sebagai "memecah rekod." Beliau mengambil masa hanya selama sembilan bulan untuk menterjemahkan seluruh isi kandungan buku ini dan sepuluh bulan lagi berikutnya untuk menyempurnakan terjemahannya ke tahap yang tersedia untuk diterbitkan, sedang penterjemah-penterjemah lain pula biasanya mengambil masa yang jauh lebih lama untuk menyiapkan penterjemahan buku setebal Mathnawi. Saya mengenali Prof. Ajmal sebagai seorang insan yang mempunyai semangat dan stamina bekerja dan daya fikir yang luar biasa. Keikhlasan, ketekunan, kegigihan dan keiltizamannya untuk melihat Mathnawi dalam versi bahasa Melayu yang baik lagi indah menjadi kenyataan yang dapat diwariskan kepada umat berbahasa Melayu patut mendapat pujian dan sanjungan daripada kita semua. Semoga Allah merahmatinya.

Walaupun tempoh masa yang diambil oleh beliau untuk menyiapkan terjemahan ini dilihat sebagai hasil kerja yang tergesa-gesa, tetapi saya tidak fikir mutu terjemahan telah diabaikan lantaran "hendak mengejar masa." Saya juga sedar bahawa Prof. Ajmal seorang ilmuwan dan seniman yang sangat mengambil

berat tentang mutu hasil kerjanya. Mungkin tidak banyak orang yang tahu tentang kepandaian dan kebolehannya dalam ilmu bahasa dan ilmu kesenian. Pengetahuannya dalam bidang sastera perbandingan agak luas. Ini membolehkan beliau menilai secara kritis terjemahan-terjemahan Mathnawi ke dalam pelbagai bahasa yang dikuasainya, khususnya terjemahan Nicholson ke dalam bahasa Inggeris. Dengan membandingkan terjemahan-terjemahan yang ada padanya beliau berkelengkapan untuk menghasilkan terjemahan yang bermutu. Di samping itu Prof. Ajmal juga berbincang dengan beberapa orang ilmuwan lain tentang terjemahannya dengan tujuan mendapat pandangan dan teguran daripada mereka. Semua ini beliau lakukan demi menjamin mutu terjemahannya.

Saya berdoa kepada Allah s.w.t. agar Mathnawi versi bahasa Melayu ini akan mendapat sambutan baik daripada masyarakat. Bagi pihak Institut Pengajian Ummah dan Kefahaman Global (ISUGU)⁸ saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof. Ajmal kerana sudi bekerjasama dengan ISUGU yang baru setahun jagung umurnya untuk menerbitkan hasil terjemahannya. Saya berharap beliau akan terus berganding bahu dengan ISUGU untuk menerbitkan lebih banyak lagi karya agung warisan tamadun Islam pada masa-masa akan datang. Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan berbilang-bersang terima kasih kepada Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM), khususnya Pengarah Urusan, Encik Mohd Khair Ngadiron, kerana berkenan untuk menjadi penerbit bersama buku ini. Semoga usaha kerjasama antara ISUGU dan ITNM ini akan berpanjangan.

Mungkin banyak pihak yang ingin tahu mengapa ISUGU berminat besar untuk menerbitkan

⁸ ISUGU ialah akronim bagi Institute for the Study of the Ummah and Global Understanding.

karya-karya agung Islam seperti Mathnawi dalam versi bahasa Melayu. Ada banyak sebabnya. Tujuan utama penubuhan ISUGU, seperti yang jelas terbayang pada namanya, adalah untuk menjalankan kajian tentang isu-isu keumatan seperti kedudukan masa kini umat Islam dari pelbagai segi dan melihat cabaran-cabaran utama yang sedang dihadapinya, terutama sekali ancaman-ancaman terhadap jati dirinya dan kewibawaannya sebagai umat pertengahan lagi sederhana (*ummatan wasatan*)⁹ seperti yang dicirikan oleh Allah s.w.t. sendiri. Pada dasarnya agama Islam ialah agama ilmu pengetahuan. Umat Islam dilahirkan untuk menjadi umat berilmu mithali. Ini bermakna bahawa kewibawaan umat Islam akan hanya terpelihara sekiranya umat ini mengutamakan ilmu pengetahuan. Bagaimana pun, umat Islam hendaklah memajukan ilmu pengetahuan dengan berpandukan semangat tauhid dan sistem nilai yang terkandung dalam syariat agama mereka.

Hanya dengan berbuat demikian dapat umat Islam menyubur dan memperkasakan semula jati dirinya yang kian hari kian lemah akibat seribu satu macam masalah yang melanda umat yang gagal diselesaikan. Pemulihan kesihatan umat Islam seperti yang disarankan di sini dapat dicapai dengan izin Allah kerana jati diri umat terbentuk daripada dua unsur iaitu aqidah tauhid dan sistem hidup berasaskan syariat. Dengan pelbagai ciri istimewa yang ada pada risalah Mathnawi seperti yang telah diperjelaskan sebelum ini maka buku ini dapat membantu umat memulihkan kekuatan kerohanian dan keilmuan yang pernah dimilikinya dan menyerlahkan semula jati dirinya sebagai umat contoh.

ISUGU juga ingin menyumbang kepada usaha memelihara kewibawaan bahasa Melayu

⁹ Al-Qur'an, surah al-Baqarah, ayat 143.

sebagai bahasa ilmu pengetahuan yang setanding dengan bahasa-bahasa ilmiah lain yang terkemuka di dunia. Penterjemahan karya agung seperti Mathnawi ke dalam bahasa Melayu ialah bukti jelas tentang kemampuan dan keupayaan bahasa Melayu untuk berperanan sebagai bahasa ilmiah bertaraf antarabangsa. Bahasa Melayu adalah salah satu bahasa umat Islam yang terbesar di dunia. Memajukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan bermakna kita memajukan bukan sahaja umat Melayu-Islam tetapi juga umat Islam seluruhnya.

Akhir kata, ingin saya menegaskan di sini bahawa isu kemajuan dan kekuatan bahasa Melayu tidak dapat dipisahkan daripada isu kekebalan jati diri umat Melayu-Islam. Yang satu bergantung pada yang lain. Jika kuat jati diri umat Melayu-Islam maka kuatlah kedudukan bahasa Melayu. Demikian juga sebaliknya. Kekuatan bahasa Melayu akan memperkuatkan jati diri umat Melayu-Islam kerana jati diri sesuatu bangsa atau umat merujuk kepada ciri-ciri teras jiwanya dan bak kata pepatah Melayu, bahasa jiwa bangsa! *Wa'llahu a'lam, wa bihi nasta'in.*

Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar
Pengarah Eksekutif, ISUGU
Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
10 Ramadan 1431/20 August 2010

Pendahuluan

Pada 1 September, 2008, iaitu pada hari pertama bulan Ramadhan, saya mula terjemahkan *Mathnawi*, karya agung penyair terunggul Islam, Jalaluddin Rumi, yang hidup lebih daripada 800 tahun yang lalu. Walaupun, bidang pengkhususan saya ialah sastera, tidak pernah terlintas di hati saya untuk menterjemahkan mana-mana karya Maulana Rumi sebab tumpuan saya semasa mendapatkan ijazah-ijazah pengajian tinggi ialah dalam bidang sastera Barat iaitu, sastera Amerika dan sastera Inggeris, walau bagaimanapun salah satu daripada pengkhususan saya untuk ijazah doktor falsafah ialah sastera dunia yang melaluinya saya telah mengkaji sastera Melayu Malaysia dan Indonesia, sastera Arab, Cina, Jepun, India, Arab dan Farsi. Namun, karya-karya dari negara-negara ini hanya petikan-petikan tertentu dan tidaklah meluas.

Maka, apabila saya menyatakan kepada seorang sahabat saya, seorang profesor yang berasal dari Iran, berkenaan tujuan saya untuk menterjemahkan *Mathnawi* Rumi, beliau mengatakan bahawa usaha itu akan mengambil masa sekurang-kurangnya 10 tahun untuk disempurnakan. Saya mengatakan, insyaallah, bahawa saya akan cuba melakukannya dalam masa sepuluh bulan. Beliau hanya membalas kata-kata saya dengan senyuman. Jangka masa sepuluh bulan yang saya tetapkan itu timbul dalam fikiran saya tanpa merancang terlebih dahulu.

Saya telah menyelesaikan penterjemahan *Mathnawi* pada 23hb Jun, 2009, iaitu, dalam jangka masa 9 bulan 23 hari. Dalam masa ini, Allah s.w.t. telah memberikan saya kesihatan yang baik dan tenaga untuk menterjemah sajak agung ini. Saya telah menulis terjemahan ini dan sekarang mempunyai

sebuah naskhah asal. Kewujudan naskhah asal penterjemahan ini diharap dapat memberikan sedikit sebanyak maklumat mengenai jalan fikiran seorang penterjemah. Sekiranya ada yang sudi menelitinya, mereka akan mendapati perbezaan antara naskhah asal dan salinan akhir yang ada kalanya sangat berbeza. Ini berpunca daripada pelbagai sebab. Saya tidak akan menghuraikan secara sepenuhnya di sini. Saya rasa salinan pembetulan dua dan pembetulan tiga mengandungi maklumat yang penting mengenai penterjemah, penaip dan kerumitan jalan penterjemahan. Malah, semakin semasa menyunting banyak juga mengemukakan penterjemahan yang lucu yang kurang tepat kerana penumpuan saya ada kalanya begitu asyik dengan perkataan dan bukannya maksud yang dibawa di dalam sesuatu baris sehingga pilihan penterjemahan saya melencong ke arah yang tidak di sangka atau tidak masuk akal. Saya akur tumpuan yang begitu khusyuk boleh mengundang masalah. Sekiranya diizinkan Allah, saya harap saya dapat menyemak penterjemahan ini dengan menggunakan pembaca yang boleh bacakan dengan nyaring naskhah bahasa Inggeris.

Sepanjang usaha menterjemah karya ini, saya telah mempelajari beberapa perkara mengenai dasar-dasar penterjemahan yang harus diikuti yang tidak begitu nyata dan jelas di dalam buku-buku mengenai teknik penterjemahan. Insyaallah, sekiranya diizinkan, saya akan menulis sedikit sebanyak mengenai pengalaman saya berkenaan arus penterjemahan dan perjalanan fikiran pada satu masa yang lain. Ingin saya katakan di sini bahawa cara dan kaedah yang saya guna pakai dalam penterjemahan adalah untuk mendapatkan makna harfiah karya Rumi seperti yang juga dilakukan oleh profesor bahasa Turki Uthmani, Arab dan Parsi yang terkemuka, Reynolds A. Nicholson.

Saya sememangnya bergantung pada terjemahan Nicholson dalam melaksanakan terjemahan ini, satu karya terjemahan yang Prof. Seyyed Hossein Nasr, ahli falsafah Islam terunggul, yang telah menulis mukadimah untuk terjemahan saya, menganggapnya bermutu tinggi. Walau bagaimanapun, saya tidaklah bersandang sepenuhnya pada penterjemahannya, malah saya telah merujuk beberapa terjemahan yang lain, termasuk yang dalam bahasa Parsi. Sememangnya ada sebilangan besar bahasa Parsi dan Arab dalam penggunaan bahasa kita dan ini sangat membantu dalam penterjemahan. Walaupun rujukan utama saya ialah terjemahan Nicholson, syukurlah buku yang saya gunakan mengandungi bahasa Inggeris dan bahasa Parsi sebelah-menyebelah. Ini telah membantu sangat dalam membuat penyemakan dan membolehkan saya membandingkan setiap perkataan bahasa Parsi dengan bahasa Inggeris yang digunakan oleh Nicholson. Dengan ini saya dapat menggunakan beberapa perkataan bahasa Parsi dan bahasa Arab yang sedia ada dalam bahasa Melayu yang sudah pun menjadi sehati dengan bahasa kita. Saya juga telah menyemak terjemahan bahasa Arab, tetapi terjemahan ini dilakukan berdasarkan naskhah yang lain. Saya juga bersyukur kerana dapat memiliki salinan *Kamus Steingas Parsi-Bahasa Inggeris* yang sangat membantu kerana mengandungi perkataan-perkataan lama bahasa Parsi kalau dibandingkan dengan *Kamus Aryanpour* atau *Kamus Farhang-Moaser*. Saya juga telah menyemak *Kamus Bahasa Inggeris-Bahasa Indonesia Echols*. Apabila kamus kami mengesyorkan penggunaan bahasa Inggeris untuk sesuatu perkataan seperti perkataan sipres (cypress), walnut (walnut), pistacio (pistachio), saya telah menggantikan dengan cemara, kacang kenari, dan kacang kenari hijau seperti yang digunakan di Indonesia. Selaras dengan syor Dewan Bahasa dan Pustaka mengenai perkataan bahasa Inggeris yang diubah suai ejaannya, saya gunakan sama ada perkataan bahasa Indonesia

atau bahasa Parsi atau bahasa Arab sebagai pilihan. Contohnya kain satin tetap dalam bahasa Melayu. Saya telah gunakan perkataan kain *adlas* daripada perkataan Parsi tetapi, perkataan-perkataan ini tersangat kecil bilangannya. Saya ingin mengatakan di sini, bahawa saya tidak menggunakan apa-apa perkataan di dalam terjemahan saya yang dasarnya ialah bahasa Inggeris, kecuali pada catatan. Untuk empat atau lima perkataan bahasa Melayu yang menggunakan perkataan bahasa Inggeris, seperti *tamborin* dan *hap*, saya telah menggunakan perkataan *duf* dan *chang* sebab perbezaan dengan bentuk alat bunyi-bunyian zaman kuno dengan zaman sekarang. Beberapa perkataan yang pada hari ini dikaitkan dengan bahasa Inggeris, sebenarnya berasal daripada bahasa Arab atau Parsi, contohnya *astrolab*, *organ*, *karavan* dan beberapa perkataan lain.

Saya ingin mengatakan di sini ada juga perkataan yang tidak terdapat dalam kamus Melayu, maka saya rujuk perkataan bahasa Parsi atau bahasa Arab dan membuat pilihan berdasarkan perkataan yang lebih berbunyi Melayu pada pandangan saya. Saya harap perkataan-perkataan ini dapat diterima oleh pembaca.

Nicholson memakan masa selama 40 tahun untuk menyelesaikan kerjanya. Tujuan beliau semasa menterjemah karya ini adalah untuk membantu pelajar-pelajar sarjana mempelajari bahasa Parsi melalui terjemahan *Mathnawi*. Maka beliau telah menterjemah baris-baris ini sedekat mungkin dengan karya asal Rumi. Ada kalanya, walaupun sesuatu baris boleh dialunkan dengan lebih baik lagi, beliau tidak melakukannya. Walaupun ini pendekatan yang digunakan oleh beliau, ada juga di beberapa tempat yang beliau menggantikan sesuatu ungkapan atau baris dengan satu ungkapan atau persamaan yang lebih mudah difahami dalam bahasa Inggeris. Dalam semua

penterjemahan yang begini rupa, beliau memberikan catatan kaki untuk menjelaskan penggunaan asal dalam bahasa Parsi. Saya telah menggantikan semua baris-baris ini dengan maksud asal. Walaupun ini mungkin mendatangkan kerumitan dalam memahami baris-baris ini, saya memilih mengekalkan karya asal Rumi. Lagipun, sebahagian daripada baris-baris ini mungkin lebih senang difahami dalam bahasa Melayu. Sekiranya ada yang berminat untuk mengetahui apakah baris-baris ini, rujukan mana-mana catatan kaki pada terjemahan Nicholson dalam bahasa Inggeris boleh menunjukkan tempat-tempat ini.

Di beberapa tempat dalam karya *Mathnawi*, terutamanya Jilid 5 dan 6, lebih-lebih lagi Jilid 5, tetapi tidak terhad kepada dua jilid ini, Rumi menceritakan pelbagai perkara dengan menggunakan cerita-cerita yang berunsur perhubungan jenis yang jelik dan memeranjatkan. Lakaran ini tidak dihadkan kepada hubungan jenis antara lelaki dan perempuan, tetapi perbuatan liwat, termasuk satu cerita mengenai hubungan jenis antara manusia dengan haiwan! Namun demikian, kisah-kisah ini tidak ditulis dengan cara memberahikan, malah diceritakan cara bersahaja dan tidak mengasyikkan. Ini kerana Rumi menumpukan segala tenaganya untuk menggunakan kesemua wajah di dalam penghidupan sebagai cerita ibarat untuk membentuk akal fikiran pembaca dan membawa kesan yang kuat dan mendalam mengenai tanggungjawab manusia dan peranannya di muka bumi. Bagaimanapun Nicholson menterjemahkan kesemua baris-baris yang lucu ini ke dalam bahasa Latin, sesuatu tindakan yang telah ditegur dengan sekeras-kerasnya oleh perumus *Mathnawi*. Baris-baris dalam bahasa Latin ini menimbulkan pelbagai masalah untuk saya. Dalam menterjemahkan baris-baris ini, saya terpaksa meneliti asalnya dalam bahasa Farsi dan juga Latin dengan tujuan untuk membuat perbandingan, dan disebabkan kekurangan saya

dalam kedua-dua bahasa ini, saya terpaksa meminta bantuan daripada beberapa orang yang tahu bahasa Parsi dan Latin. Walaupun sebahagian besar daripada mereka dari Iran, namun mereka mengalami kesulitan yang besar untuk memahami dan menterjemahkan baris-baris ini. Mereka kerap merujuk kamus dan ada kalanya terjemahan mereka berbeza satu sama lain. Akhirnya, alhamdulillah, saya telah membuat keputusan saya sendiri dengan membuat kesemua maklumat ini dan menterjemahkan mengikut keupayaan saya. Ada beberapa baris yang berbeza di beberapa tempat dengan terjemahan Nicholson.

Untuk mereka yang tidak kenal dengan karya Maulana Rumi, perkara-perkara seperti penggunaan bahasa kesat dan kesukaran memahami bahasa yang digunakannya menimbulkan kemusykilan dan tanda tanya. Persoalan ini mungkin lebih jelas sekiranya kita lihat apa yang dikatakan oleh Nicholson sendiri dan juga Arberry, dua penterjemah unggul, mengenai karya Maulana Rumi. Nicholson menulis dalam pendahuluan terjemahan *Mathnawi*,

Besarnya saiz karya *Mathnawi*, bukanlah perkara utama atau penghalang yang paling ketara yang bakal dihadapi seorang penterjemah karya ini. Sekaligus, dia akan mendapati dirinya terbabit dengan satu kesukaran asas, yang daripadanya dia tidak dapat melepaskan diri, iaitu, sekiranya terjemahannya setia kepada karya asal, ini akan membuatnya sukar, dari satu sudut yang besar, untuk difahami, dan sekiranya dia cuba menulisnya untuk difahami, dia perlu kerap kali, sepanjang proses penterjemahan,

menggantikan baris asal dengan suatu ringkasan bebas dan panjang yang merangkumi perkara yang sudah tentu harus wujud dalam suatu ulasan, walaupun cara sedemikian tidak boleh memuaskan sesiapa yang mengingini untuk memahami teks ini dan mengetahui apa erti atau maksud yang dibawa teks ini. Maka dengan ini, suatu versi sempurna *Mathnawi* sebenarnya bermaksud, iaitu sekiranya ditinjau kerana tujuan saintifik, suatu terjemahan yang setia kepada yang asal yang disertakan dengan satu ulasan yang lengkap.

Nicholson juga berkata,

...cara pengendalian subjeknya begitu asli sehingga cara ini tanpa ragu dikatakan "suatu gaya penulisan baru". Gaya ini teramat halus lagi rumit, sukar dikupas; namun ciri-ciri umumnya senang dan tidak boleh dicurigai. Dalam *Mathnawi*, gaya ini paling menyerlah; gaya ini memberikan pembaca suatu perasaan keluasan dan kebebasan yang sangat mengembirakan kerana gaya ini mengenyahkan paduan logik, mengingkari adat kebiasaan, menggunakan bahasa harian secara berani, dan pelbagaikan gambaran yang dilakarkan daripada barangan sederhana

dan peristiwa yang menjadi kebiasaan kepada semua orang.¹

Mengikuti Arberry pula, *Mathnawi* yang mengandungi banyak rangkap puisi yang bermutu sangat tinggi adalah suatu karya yang teramat sukar untuk dibaca dan difahami, bukan sahaja, ataupun bukan disebabkan kehalusan dan ketidakkiasaan doktrin-doktrin yang disebut dalamnya, tetapi lebih-lebih lagi kerana kelonggaran bersahajanya, belum lagi kita sebut anarki, pembinaan ayat.²

Maka tidak wajarlah untuk orang-orang yang tidak memahami apa yang diiktirafkan oleh pakar-pakar bahasa Parsi sebagai karya yang sukar difahami, yang ditulis dengan gaya baru, yang menggunakan bahasa kesat di tempat-tempat tertentu, tetapi pada masa yang sama mencapai ketinggian bahasa dari sudut yang lain, menentukan baik buruknya mengekalkan bahasa asal karya ini. Saya tidak rasa saya mempunyai hak untuk menyunting dan menahan orang-orang yang fasih bahasa Melayu, yang arif tentang agama dan matlamat Maulana Rumi daripada memahami Rumi secara dia ingin orang memahami karyanya. Dengan ini, saya guna pakai istilah-istilah yang digunakan oleh Rumi sebab implikasi sebaliknya terlalu ketara. Saya tidak melenggukkan dan memperhalusi bahasa di tempat-tempat Nicholson sendiri tidak berani melakukannya atau menyusun semula ayat, sama ada ayatnya kelihatan songsang atau tidak. Saya telah menggunakan bahasa harian di tempat-tempat tertentu, termasuk penggunaan *di mana, daripada mana, dari siapa, yang bukan apa-apa*, di tengah ayat. Saya

melakukan ini dengan tujuan mengekalkan terjemahan ini secara harfiah. Namun begitu, ada kalanya, atas syor jurubahasa Melayu saya bertolak-ansur mengenai penggunaan imbuhan dan kata sendi.

Salah satu daripada penemuan saya secara tidak sengaja adalah mengenai buku Nicholson yang saya gunakan untuk menterjemah puisi ini. Buku yang dihasilkan pada tahun 1981 ini berupa buku yang disunting oleh Lahoti, Poujavady, dan beberapa cendekiawan terkemuka mengikut lampiran pembetulan Nicholson. Perlu dijelaskan di sini bahawa apabila Nicholson membuat penterjemahan ini, pada pertengahan penterjemahan Buku 3, satu naskhah *Mathnawi* telah ditemui di Konia, Turki. Ini ialah naskhah *Mathnawi* yang paling tua dan asli. Dari baris 2531 Buku 3, Nicholson menterjemahkan mengikut naskhah baru ini. Pada akhir penterjemahan *Mathnawi* beliau telah muatkan lampiran yang menunjukkan semua perbezaan terjemahannya pada Buku 1, 2 dan bahagian pertama Buku 3. Ini melibatkan lebih dari 1000 baris, termasuk baris yang kurang tepat atau tidak tepat, baris yang berada di tempat yang salah, baris yang tidak harus wujud atau ditambah, baris yang tertinggal, dan lain-lain lagi. Apabila saya mulakan penterjemahan ini, saya tidak sedar akan wujudnya dua naskhah yang berbeza ini, satu di rumah dan satu lagi di pejabat. Saya menyedari perbezaan beberapa baris setelah menterjemah lebih dari 2500 baris daripada buku 1. Disebabkan ini, saya terpaksa menyemak kembali terjemahan saya dari mula dengan bantuan isteri saya. Pada masa itu saya masih tidak tahu kenapa wujudnya perbezaan ini, walaupun saya telah melakukan penyelidikan. Hal ini disebabkan penyelidikan saya ditumpukan kepada Nicholson. Saya hanya dapat penjelasan ini semasa sedang menyunting terjemahan saya untuk kali kedua. Saya telah minta seorang pelajar saya untuk terjemahkan, secara lisan, Kata Pengantar yang ditulis dalam bahasa Parsi.

Pada masa itulah saya dapat penjelasan perbezaan penerbitan buku ini. Kata Pengantar juga memberikan maklumat mengenai baris-baris yang terlibat dan pelbagai maklumat lain. Dengan ini kita boleh katakan bahawa penterjemahan ke dalam bahasa Melayu ini berdasarkan naskhah *Mathnawi* yang paling tepat, alhamdulillah. Kebanyakan, kalau bukan kesemua penterjemahan ke dalam bahasa Eropah, banyak sekali bersandang dan merujuk kepada Nicholson.

Menurut seorang pengulas, lebih daripada dua puluh lima tahun yang lampau, petikan-petikan daripada *Mathnawi* ialah buku mengenai Islam yang paling laris dijual di Amerika. Walaupun petikan daripada Rumi telah pun diterjemahkan ke dalam berpuluh-puluh bahasa di dunia, namun penterjemahan sepenuh *Mathnawi*, mengikut satu laporan yang dibuat oleh Datuk Bandar Konia, Turki, iaitu tempat Maulana Rumi dikebumikan, *Mathnawi* telah diterjemahkan sepenuhnya kepada hanya tujuh bahasa dalam dunia, iaitu, bahasa Inggeris, Jerman, Itali, Perancis, Arab, Urdu, dan Turki. Disebabkan keadaan itu, dua tahun yang lepas, pada ulang tahun ke 800 Maulana Rumi, UNESCO telah mengesyorkan satu usaha dijalankan untuk menterjemah *Mathnawi* ke dalam bahasa-bahasa ini: Yunani, Poland, Rusia, Tajik, Cina, Hindi, Azerbaijan, Korea, dan Melayu.

Saya telah menggunakan beberapa kamus untuk membantu mencari perkataan bahasa Melayu yang terkubur ditelan masa disebabkan kecenderungan orang kita menggunakan perkataan yang berdasarkan bahasa Inggeris. Pembunuhan bahasa yang berlaku sekarang secara berleluasa berasaskan dasar tangkap muat, mengikut jalan yang senang untuk memenuhi keperluan. Saya telah sedaya upaya berusaha mengelak daripada melakukan perkara yang sama dengan menggunakan perkataan bahasa Melayu dalam terjemahan ini. Saya akur,

seperti yang saya telah maklumkan di atas, saya telah menggunakan perkataan bahasa Arab dan Parsi, seperti juga bahasa Sanskrit dan bahasa-bahasa India lain yang telah banyak mempengaruhi bahasa kita. Bahasa Sanskrit dan pelbagai bahasa India, termasuk Tamil, Malayalam, Gujerat dan sebagainya telah menyumbang kepada kesuburan bahasa Melayu. Masa telah melentuk perkataan bahasa-bahasa ini untuk memelayukan bunyinya. Saya telah dengan sengaja meninggalkan perkataan bahasa Inggeris yang dimelayukan kerana saya dapati ia tidak berbunyi Melayu kepada telinga saya. Lebih penting lagi, saya dapati bahasa Melayu mempunyai kemampuan untuk menyampaikan dasar-dasar dan fikiran-fikiran mendalam dan rumit dalam hidup dengan perkataan yang sedia ada. Mungkin ada yang akan mengatakan bahawa pendirian saya ketinggalan zaman dan agak keterlaluan dan apa yang berlaku sekarang ini kepada bahasa kita adalah antara harga yang kita perlu bayar untuk kemajuan, iaitu, bertolak-ansur dari semua segi, termasuk mengorbankan bahasa sendiri. Saya tidak dapat berganding bahu dengan orang-orang yang mengutarakan hujah ini. Kemajuan kebendaan yang dihasratkan negara dan yang telah kita kecapai setakat ini tidak boleh dilakukan dengan tumpuan kepada peningkatan sains dan teknologi sahaja. Perbincangan terbaru sekali mengenai pengajaran mata pelajaran ilmu hisab dan sains dalam bahasa Inggeris mulai tahun 2011 ialah contoh baik mengenai pentingnya bahasa dalam pembinaan negara. Bahasa Melayu, suatu bahasa indah lagi kaya, tidak harus diperlekehkan, lebih-lebih lagi oleh orang Melayu sendiri yang mengaitkan kemajuan dengan bahasa Inggeris dan mengutamakan bahasa Inggeris dan kononnya lebih senang berbahasa Inggeris, walaupun ramai antara mereka yang berkata demikian pada hakikatnya tidak menguasai nahu bahasa itu.

Bahasa ialah perantara dan penyampai

maklumat. Dengan bahasalah ahli sains, jurutera, menyampaikan buah fikiran mereka, bukan hanya melalui tanda-tanda atau isyarat-isyarat. Wahyu diturunkan dengan bahasa, bukan dengan alat-alat yang mengagumkan yang turun dari langit. Allah sampaikan ilmu kepada nabi-nabi dan rasul-rasul melalui wahyunya dengan penggunaan pelbagai bahasa. Melalui bahasalah Allah meminta manusia menimba dan meneroka ilmu. Ini nyata. Maka kepentingan menguasai bahasa dengan baik amat penting dan usaha memartabatkan bahasa sendiri tidak harus dipinggirkan dalam usaha kita mencapai kejayaan.

Saya dengan takzimnya meminta para pembaca menerima usaha saya yang pasti ada kepincangan dan kekurangan dengan hati terbuka dan sikap menerima dan lembut. Semua yang kenal dengan karya agung Rumi akur bahawa ada bahagian-bahagian yang sangat rumit untuk difahami, maka dengan itu susah diterjemahkan. Pengakuan ini bukan sahaja dikatakan oleh Nicholson, malah pakar-pakar Rumi dari Iran dan Turki sendiri. Walau bagaimanapun, saya telah lakukan yang terbaik dan berdoa kepada Allah agar usaha saya ini diterima sebagai satu sumbangan kepada lautan ilmu Islam yang tiada batasan. Amin.

Mohamed Ajmal bin Abdul Razak Al-Aidrus

Penghargaan

Ucapan terima kasih kepada mereka yang membantu dalam usaha penterjemahan *Mathnawi* ini perlu dimulakan dengan Allahyarham ayahanda saya, Abdul Razak bin Mohamed bin Abdul Rahman bin Aidarus bin Muhyiddin bin Musa bin Ahmad Al-Aidrus, yang telah memperkenalkan saya kepada dunia sastera semasa saya masih lagi di bangku sekolah rendah. Beliaulah satu-satunya orang yang saya kenali sehingga hari ini yang tahu puisi bahasa Inggeris, bahasa Malayalam Sanskrit, Sanskrit, Arab, Parsi, dan Melayu dengan begitu baik kerana beliau menjiwai bahasa. Beliau sering membaca daripada ingatan, ada kalanya, beratus-ratus baris daripada puisi bahasa Inggeris dan bahasa Malayalam Sanskrit. Sayangnya, kami tidak diajar menikmati puisi Sanskrit, dan saya masih ingat saat-saat beliau sakit atau sedih, beliau akan melagukan puisi yang kami tidak memahaminya yang kami rasakan semestinya menyayat hatinya. Ada kalanya, beliau menitikkan air mata, khusyuk memikirkan masa lampau atau liku-liku hidup yang membawa penderitaan dan kesedihan. Kami cuma perhatikan dan mendengar tanpa mengetahui irama dan rentak apa yang bermain di jiwanya. Kekuatan perkataan dan susunan ayatnya yang kuat memberi kesan kepada hati dan sanubari saya sehingga mendorong saya membaca buku-buku puisi di rumah.

Membaca telah pun menjadi satu kebiasaan di rumah saya, di sini kami adik-beradik berlumba untuk menghabiskan buku yang abang kami pinjam daripada Perpustakaan Bandar, bangunan kuning yang masih lagi terserlah di depan stesen bas di bandar Kelang. Dengan gaji kerani polisinya yang kecil, beliau membelikan untuk kami, 20 jilid *Book of Knowledge*, 20 jilid *Grolier Encyclopedia*, 10 jilid *Popular*

Science, dan 10 jilid *Classics*. Buku-buku ini bukanlah dibeli untuk dijadikan perhiasan. Daripada umur lima tahun lagi, kami dibenarkan membuka buku-buku mahal ini untuk melihat gambar dan belajar mengenai isi kandungannya. Walaupun kami diberikan kebebasan dan penjagaan dengan kami berkenaan penggunaan dan penilaian buku-buku. Kami diajar menghormati dan menilai buku-buku sebagai emas. Pelbagai buku yang terdapat di kedai-kedai buku terpakai juga menjadi tumpuan kami. Lama-kelamaan menghafal puisi menjadi satu kegemaran saya, walaupun ada kalanya, saya tidak faham apa yang saya hafal, tetapi saya melakukannya untuk mendapatkan perhatian bapa saya. Di sinilah terpupuk minat saya. Oleh sebab penguasaan bahasa Inggeris bapa saya begitu tinggi, mengesan kesilapan bahasa di surat khabar dan kadangkala pada *Reader's Digest* dan majalah-majalah ternama menjadi satu kebiasaan di rumah. Kami berlumba-lumba antara satu sama lain untuk dapatkan jawapan, mengelilingi bapa saya di meja makan sementara dia melihat anak-anaknya yang berumur 7 hingga 9 tahun bersaing. Suasana ini yang dipupuk dengan kisah-kisah mengenai kebolehan datuk-moyang yang mempunyai daya fikiran yang luar biasa untuk mempelajari bahasa, seperti datuk kepada bapa saya yang bernama Abdul Rahman yang telah menguasai lapan bahasa, termasuk Syriac, dan bahawa tiga hari sebelum beliau meninggal dunia, mula belajar bahasa Parsi, sungguh merangsangkan. Dari Hadramaut dan dari India, mereka berulang alik ke negara tercinta ini untuk menyebarkan dan menimba ilmu. Ini, termasuk kisah-kisah wali-wali dalam golongan keluarga "Pa" saya, menyebabkan saya membaca buku tasawuf semasa remaja lagi. Malah seorang daripada moyang saya, Aidrus, telah menulis sebuah puisi alfiyah, ala Imam Malik, yang telah dibawa oleh anaknya ke negara ini untuk dicetak, tetapi malangnya beliau

telah meninggal dunia di sini dan entah ke mana pergi satu-satunya salinan karya itu. Kesemua ini, termasuk pelajaran mengenai kejujuran, mempertahankan hak orang yang ditindas dan bersikap adil kepada mereka yang mungkin kurang disukai, menyumbang kepada satu pembentukan fikiran yang membantu dan ada kalanya, memudaratkan, kami semua. Semoga Allah mencucuri rahmat kepada pendeta-pendeta dan pejuang-pejuang jalan Allah ini, amin.

Ibu saya pula begitu gigih memastikan bahawa kami mengaji Quran setiap hari di rumah, dari umur lima tahun, belajar tajwid sehingga kami sudah lanjut umur. "Ma" tidak melepaskan kami. Kunjungan berterusan para ulama dan wali-wali ke rumah kecil kami begitu berbeza daripada keadaan penghidupan kawan-kawan sekolah saya. Ada kalanya, pelawat-pelawat ini akan tinggal berbulan-bulan di rumah kami. Ada kalanya beratus-ratus orang menunggu di luar rumah sewa kami di Kampung Jawa, Kelang atau Jalan Langat, Kelang untuk diubati atau berjumpa dengan Sayyid ini atau itu. Ma yang sibuk dengan anak-anak, sentiasa tabah melayan tetamu dengan membuat teh atau memasak nasi atau makanan lain tanpa mengeluh. Ada kalanya orang yang datang dari luar bantu memasak atas arahan seorang Sayyid. Beginilah hidup kami semasa kecil. Kerana latar belakang ini, minat saya dalam bahasa dan agama meningkat, sehingga ke masa ini. Liku-liku hidup telah membawa saya ke tempat yang agak ganjil ini, ganjil bukan kerana bentuk, rupa atau hidup saya, tetapi kerana perjalanan saya yang dengan tiba-tiba telah sampai ke angka lima puluh dalam ukuran hidup.

Semoga Allah merahmati kedua-dua ibu bapa saya atas bimbingan dan tunjuk ajar mereka dan mengurniakan mereka jannah, amin.

Saya ingin juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada rakan sekerja saya, Prof. Amir H. Zekrgoo yang telah membawa dua jilid *Mathnawi* yang mengandungi enam buku dari Iran untuk saya. Beliau juga pada satu masa yang lain telah membawa *Kamus Aryanpour* untuk kegunaan saya. Dr. Haidar Baqir juga telah menghantar beberapa kamus dari Indonesia, termasuk *Kamus Indonesia, Kamus Nusantara*, dan *Kamus Echols*, dan sebuah *Kamus Sanskrit-Inggeris* yang agak sukar didapati. Beliau tidak tahu sehingga saya selesaikan terjemahan saya bahawa tujuan buku-buku itu adalah untuk membantu dalam tugas penterjemahan.

Saya ucapkan terima kasih kepada pelajar-pelajar, rakan sekerja, dan kawan saya dengan penterjemahan bahagian-bahagian Latin/Parsi. Ini termasuk Prof. Dr. Zekrgoo, Dr. Ali Akbar Ziaee, Dr. Mohammedreza Zamanian, Syeikh Farid Al-Amin, dan Reza Bayat untuk terjemahan bahasa Parsi, dan Prof. Dr. Ataullah Kopanski untuk beberapa rangkap Latin untuk tujuan perbandingan dengan terjemahan daripada bahasa Parsi. Pada penghujung tugas menyunting, Cik Banafsheh Hassa juga telah menjelaskan penggunaan beberapa perkataan termasuk Hindu, Hindi, dan Hind. Saya harus juga mengucapkan terima kasih kepada Dr. Ziaee kerana menahan saya dari membuang penterjemahan catatan bantuan dalam tugas terjemahan Nicholson yang telah saya terjemahkan tetapi ditinggalkan semasa menyunting.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada kakitangan yang menganggotai talian bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah sedikit sebanyak menyelesaikan masalah penggunaan bahasa Melayu yang telah bertukar corak daripada keadaan masa saya di bangku sekolah. Antara mereka termasuk

Pn. Aliah, Pn. Faridah, Pn. Rahayu, En. Rusli, dan En. Md Nor Jaba.

Dari segi dorongan, saya dengan besar hati mencatatkan penghargaan saya kepada Allahyarham, Prof. Dato' Dr. Syed Hussein Alatas, seorang peminat puisi bahasa Inggeris saya, yang menggalakkan saya terus menulis. Penghargaan setimpal juga saya panjangkan kepada Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, adik kepada Prof. Dato' Dr. Syed Hussein Alatas, atas tunjuk ajarnya semasa beliau menerajui ISTAC. Saya juga berterima kasih kepada Prof. Dr. Hashim Kamali, bekas dekan ISTAC-IIUM, yang yakin saya seharusnya menumpukan usaha saya kepada penulisan dan bukan sahaja kepada pentadbiran. Prof. Dr. Ibrahim Zein, bekas dekan ISTAC, yang menganggap saya mempunyai kemampuan menghasilkan karya yang bermutu tinggi dan memberikan galakkan untuk terus berusaha, saya ucapkan terima kasih. Menjadi kewajipan bagi saya mengucapkan penghargaan kepada Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar yang sentiasa memberikan sokongan pelbagai rupa dan galakan, kadangkala, dengan sedikit berkata dan banyak perangsang. Beliaulah yang sentiasa memberikan tunjuk ajar tanpa mengarah atau menyuruh, dengan bahasa yang cantik, lagi lembut, dengan hati ikhlas lagi jelas. Bagi saya, Profesor kita ini menjadi contoh gabungan ilmu, adab, dan akhlak insan mithali. Sahabat baru saya dari Indonesia, Prof. Dr. Mulyadhi Kartanegara yang mengajar di ISTAC untuk satu semester, begitu banyak mengambil berat tentang kerja saya dan sentiasa katakan perkara yang baik dan lumrah memberi kehormatan dan perangsang sehingga saya sentiasa segar dan bersemangat dengan kata-katanya. Kepada pelajar saya Mersita di ISTAC dan Faisal di Amerika Syarikat yang telah mendapatkan pelbagai bahan sokongan, saya doakan supaya mereka

juga dapat menghasilkan kerja untuk ummah yang mengatasi kerja ini. Kepada Puan Zainiah Md. Sood yang telah menaip naskhah asli saya dengan gigih dan sabar, saya ucapkan ribuan terima kasih. Beliau telah melakukan ini tanpa mengenal penat lelah. Oleh sebab begitu lama bekerja dengan penterjemahan ini, beliau pernah menyebut akan kerja ini, tanpa sedar, sebagai "kerja kita". Ini, bagi saya, melambangkan satu kesungguhan yang datang tulus dari hati. Untuk mengeluarkan setiap perkataan di dalam kurungan dalam penterjemahan dan menjadikannya catatan jidar, saya ucapkan terima kasih kepada Puan Suzana Suhailawati Md. Sidek, seorang bekas pelajar, Puan Suharti Yusoff, Puan Norazimah Abdul Latiff, dan Puan Zainiah Md Sood, anggota kerja ISTAC. Saya juga ucapkan terima kasih kepada beberapa pelajar yang telah menyemak pembedaan yang dibuat oleh pengatur huruf. Setiap perkataan yang dibetulkan telah digariskan oleh pengatur huruf untuk memudahkan mengenal tempatnya. Pelajar-pelajar ini secara berkumpulan telah menghabiskan beberapa jam bersama saya untuk mengesahkan pembedaan ini: muka-muka surat dari setiap jilid dibahagi-bahagikan sama rata untuk disemak. Mereka ialah Noraimie Ayub (sebahagian daripada satu daripada enam jilid), Azizah Rahmad dan Roslan Ali (sebahagian daripada dua daripada enam jilid), Muhammad Mubarak bin Habib Mohamed, Soraya Khairuddin (sebahagian daripada empat daripada enam jilid), Norma Kasim, Mariam Md. Ibrahim, Azhani Ahmad, Rabiah Ghazali (sebahagian daripada lima daripada enam jilid), dan Fiqih Risallah dan Mersita E.M. (sebahagian daripada semua enam jilid). Kepada En. Md Sahib Abdul Ghani, yang telah mengatur huruf dan bekerja dengan karya ini dari mula lagi, yang telah mencari jalan menyusun catatan jidar dan membuat pembedaan, menyemak catatan kaki pada beberapa buku Nicholson dan terjemahan saya dan

menyusun kata dasar faharasat, saya ucapkan terima kasih. Oleh sebab pada masa beliau memulakan usaha ini tidak ada satu cara untuk menyusun catatan jidar ini secara mudah, beliau telah membuatnya satu demi satu, iaitu, menyusun lebih daripada 30, 000 catatan dengan sendiri. Ini satu usaha yang memerlukan tahap kegigihan dan kesabaran yang teramat tinggi dan tidak mungkin dapat dilakukan oleh sembarang orang. Di sini juga saya ucapkan terima kasih kepada anak En. Sahib, Ali Daniel, yang juga telah membantu ayahnya menyusun atur rangka buku ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada salah seorang daripada tokoh terunggul falsafah Islam di dunia Islam pada masa kini, Prof. Seyyed Hossein Nasr, yang telah menulis Kata Pengantar buku ini. Semoga Allah memberinya hidayah dan kurniakan rahmat.

**Prof. Dr. Sayyid Mohamed Ajmal bin
Abdul Razak Al-Aidrus**

Panduan Membaca Terjemahan Ini

Pembaca harus mengetahui beberapa perkara untuk membantu memahami terjemahan ini: terjemahan Nicholson yang mengandungi perkataan dalam kurungan yang diberikan oleh beliau untuk membantu menjelaskan sesuatu baris telah saya letakkan di jidar kanan atau kiri terjemahan ini. Saya lakukan ini untuk mengekalkan makna asal *Mathnawi* tanpa dicampuradukkan dengan apa-apa perkataan yang dapat mempengaruhi bacaan puisi ini. Namun demikian, saya tidak mahu memberikan gambaran bahawa perkataan-perkataan ini menukar atau merosakkan maksud dan makna baris-baris yang berkenaan. Apa yang saya lihat, dalam kebanyakan baris-baris ini, perkataan-perkataan ini tidak perlu, walaupun tidak boleh dinafikan, kesemuanya membantu. Sekiranya saya kekalkan perkataan-perkataan dalam kurungan dalam terjemahan ini, jumlah muka surat penterjemahan ini hampir mencecah 5000 muka surat. Disebabkan perkataan-perkataan ini dikeluarkan dan dijadikan catatan jidar dan catatan kaki, iaitu, dalam lingkungan 5000 untuk setiap satu buku, ini telah mengurangkan jumlah muka surat terjemahan ini kepada 3000.

Orang yang lalu lalang ketawakan andaian burung nuri itu kerana ia memikirkan pemakai jubah itu sepertinya.

Jangan kamu mengukur perbuatan orang-orang warak dengan ²³⁷dirimu sendiri, walaupun untuk *sher*²³⁸ dan *shir*²³⁹ cara menulisnya sama. ^(catatan jidar)

237 (membuat persamaan dengan) ^(catatan kaki)
238 (singa) ■
239 (sumu) ■

Catatan kaki ialah maklumat tambahan dalam terjemahan Nicholson atau yang beliau berikan dalam terjemahannya atau catatan saya sendiri. (Catatan kaki yang mengandungi tanda [N] adalah daripada Nicholson dan yang selainnya daripada saya. Pada catatan jidar pula yang tidak mempunyai kurungan ialah catatan saya.) Angka rujukan untuk catatan jidar berwarna hitam dan angka rujukan untuk catatan kaki berwarna merah gelap. Pembaca boleh membaca suatu baris dengan bantuan catatan jidar atau tanpanya. Contohnya,

Untuk baris-baris yang Nicholson terjemahkan dengan menggunakan persamaan, pada tempat beliau memberikan makna harfiah pada catatan kaki, saya telah menggantikan semua persamaan ini dengan makna harfiah dalam terjemahan saya, sekali lagi untuk mengekalkan, setakat mana yang boleh, maksud sebenar sesuatu baris. (Saya tidak memberikan rujukan untuk baris-baris ini.)

Saya ingin menyampaikan kepada pembaca, disebabkan kerumitan sebahagian besar daripada baris-baris puisi ini, adalah amat penting untuk mereka membaca mengikut tanda bacaan yang diberikan. Saya telah meneliti tanda bacaan ini dengan seberapa yang boleh untuk membantu pembaca mendapatkan makna sesuatu baris dan memberikan keselesaan membaca yang sebaik boleh. Maka, adalah penting untuk pembaca berhenti terus atau sejenak mengikut tanda bacaan yang diberi untuk membantu memahami sesuatu baris. Ini disebabkan ada kalanya sesuatu perkara dirumuskan oleh Maulana Rumi secara berterusan untuk beberapa baris dan ada kalanya akan melangkaui sesuatu tajuk, iaitu, termasuk kemungkinan sesuatu ayat yang bersambung selepas sesuatu tajuk. Dengan ini, untuk menghayati *Mathnawi* ini dengan gangguan sedikit mungkin, pembaca perlu mengikuti cadangan ini, lebih-lebih lagi untuk baris-

baris mengenai perkara-perkara yang membincangkan kewujudan dan ketidakwujudan, maujud dan fana dan perkara lain lagi. Walau bagaimanapun, ada kalanya tiada apa jua yang dapat membantu kecuali kesabaran dan ketabahan untuk mendapatkan mutiara-mutiara daripada baris-baris yang mencabar. Malah Prof. Nicholson berpendapat ada baris-baris yang tidak dapat ditafsirkan kerana maksudnya telah ditelan oleh peredaran zaman.

Pendahuluan Buku Satu

Dengan Nama Allah, Maha Mengasihani, Maha Penyayang

Inilah Buku *Mathnawi* yang menjadi usul daripada usul daripada Agama¹ dari sudut pendedahan rahsia pencapaian² dan keyakinan³, dan berupa ilmu Tuhan yang terunggul dan jalan⁴ ternyata dan bukti yang paling jelas mengenai Tuhan.

Persamaan cahaya itu adalah seperti satu pelita di dalamnya ada sebatang lilin yang menyala dengan sinaran yang lebih terang daripada senja. Ia Syurga jantung hati, yang mempunyai air-air pancut dan dahan-dahan, salah satu daripadanya sebuah air pancut yang digelar Salsabil dalam kalangan pengembara-pengembara Jalan ini, dan dalam pandangan pemilik-pemilik tahap-tahap⁵ dan limpah kurnia-limpah kurnia⁶, ia⁷ paling baik sebagai tahap dan paling cemerlang sebagai kediaman⁸. Dalamnya, yang warak makan dan minum dan dengan itu yang bebas⁹ dibuat gembira dan bergembira, dan seperti Nil Mesir ia minuman¹⁰ kepada mereka yang bertahan dengan sabar, tetapi satu kesengsaraan kepada orang-orang Firaun dan orang-orang kafir, seperti jua Tuhan telah berkata, *Dia biarkan ramai disesatkan begitu dan Dia biarkan ramai dipimpin begitu*. Ia sesuatu penawar untuk dada-dada¹¹, dan penyingkir kesedihan-kesedihan, dan pengulas Quran, dan¹² hadiah-hadiah berlimpah-limpah¹³, dan¹⁴ membersihkan pembawaan-pembawaan¹⁵,¹⁶ oleh tangan-tangan katib-katib mulia lagi warak yang haramkan¹⁷ *Tidak ada yang akan menyentuhnya kecuali yang suci*.¹⁸ *Wahyu daripada Rabb makhluk tercipta*. Kepalsuan tidak akan hampirinya sama ada dari depan atau dari belakang, oleh sebab Tuhan memerhatinya dan melihatnya, dan Dia penjaga yang terbaik dan Dia yang paling dirahmati daripada mereka yang

- | | | | |
|---|---------------------|----|--------------------|
| 1 | (Muhammad) | 10 | (lazat) |
| 2 | (kepada Kebenaran) | 11 | (yang sakit) |
| 3 | (nya) | 12 | (sumber) |
| 4 | (agama) | 13 | (Tuhan) |
| 5 | (kebatinan) | 14 | (cara) |
| 6 | (Tuhan) | 15 | (jahat) |
| 7 | (Mathnawi) | 16 | (ditulis) |
| 8 | (kerohanian) | 17 | (dengan kata-kata) |
| 9 | (secara kerohanian) | 18 | (la satu) |

menunjukkan rahmat. Dan ia mempunyai gelaran-gelaran
kebahormatan yang lain yang Tuhan telah kurniakan ke atasnya.

Kami telah hadkan diri kami kepada yang sedikit ini¹⁹,
kerana yang sedikit ialah fahasasat untuk yang banyak,
dan semulut penuh²⁰ ialah fahasasat kepada²¹ kolam, dan
seponggam²² ialah fahasasat untuk²³ lantai banting yang
besar²⁴.

Berkata hamba yang lemah yang ada keperluan rahmat
Tuhan, Maha Tinggi, Muhammad, anak Muhammad
anak al-Husain²⁵ dari Balkh—semoga Tuhan menerima
daripadanya: "Aku telah usaha bekerja keras untuk
memanjangkan Syair Dua Rangkap Berima ini yang
mengandung kisah-kisah aneh dan kata-kata luar biasa
dan perbincangan-cemerlang dan petunjuk-
petunjuk tidak ternilai, dan jalan zahid-zahid dan taman
penyembah-penyembah—singkat dari sudut²⁶ ²⁷, tetapi
pelbagai dari sudut makna—daripada permintaan tuan dan
pendorong dan penyokong, ²⁸ tempat di dalam jasadku,
dan ²⁹ harta kepada hari ini dan esokku, terutamanya,
Syekh itu, contoh untuk mereka yang kenal Tuhan
dan ketua mereka yang mempunyai tunjuk ajar dan
keyakinan yang benar, penolong manusia sejagat, penjaga
beramanat hati-hati dan kesedaran diri-kesedaran diri³⁰,
tanggung jawab yang ditanam oleh Tuhan dalam kalangan
makhluk-makhlukNya, dan pilihanNya daripada kalangan
ciptaanNya, dan ³¹ wasiat-wasiatNya kepada NabiNya
dan ³² rahsia-rahsiaNya³³ kepada yang terpilihNya, kunci
harta-harta arasy, pemegang amanat kekayaan yang diisi
di dalam bumi, bapa nilai-nilai, Pedang³⁴ Kebenaran dan
Agama, Hasan anak Muhammad anak al-Hasan, biasanya
terkenal sebagai Ibnu Akhi Turk, Abu Yazid masa itu,

19 (yang telah disebut)

20 (air)

21 (mutu)

22 (gandum)

23 (dijadikan satu contoh isi
kandungan untuk)

24 (jepang)

25 (dari bandar)

26 (pemberian ini)

27 (kerohanian)

28 (ungkapan)

29 [N] Secara harfiah, "pendek
dari sudut susunan (hukum
susunan ayat)"

30 (yang menduduki)

31 (yang ialah)

32 (mereka)

33 (matlamat)

34 (dari)

35 (yang disampaikan)

36 (Husam)

Junaid zaman itu, anak yang jujur sepenuhnya seorang
sidik, anak seorang sidik³⁷ anak seorang sidik—semoga Allah
redha dengannya dan dengan mereka—seorang warga dari
Urmiya, melakarkan moyangnya kepada Syekh yang diberi
penghormatan kerana berkata, 'Pada waktu petang, aku
seorang Kurd, pada waktu pagi aku seorang Arab.' Semoga
Allah memuliakan rohnya dan roh-roh pewaris-pewarisnya!
Betapa baiknya moyang itu dan betapa baiknya pewaris itu!

Keturunannya ialah sesuatu yang ke atas apa matahari telah
campakkan jubah luarannya, dan satu keturunan masyhur
di depan bintang-bintang telah memalapkan sinarannya.
Halaman mereka³⁸ telah selalu menjadi kiblat Nasib, ke
mana berpaling³⁹ anak-anak pemimpin-pemimpin⁴⁰,
dan Harapan ialah Kaabah yang ditawaf oleh wakil-wakil
pelamar-pelamar untuk pengurniaan, dan semoga ia tidak
berhenti menjadi ini, selagi bintang terbit dan matahari
timur menjelma di atas ufuk, pada akhirnya supaya ia
boleh menjadi satu kepantasan untuk yang berketuhanan,
berkerohanian, kesyurgaan, cakerawala terunggul, yang
diterangi, yang mempunyai pandangan dalaman⁴¹, ⁴² yang
senyap yang melihat, ⁴³ yang ghaib yang ada, raja-raja yang
di bawah pakaian kedana, yang mulia dari negara-negara,
pemilik-pemilik kecemerlangan, orang-orang masyhur
yang menunjukkan bukti-bukti⁴⁴. Amin, Oh Rabb bagi
segala makhluk yang dicipta!

Dan ini ialah doa yang tidak akan ditolak kerana ia satu
doa yang mengandungi⁴⁵ segala jenis makhluk. Pujian bagi
Allah, Rabb segala makhluk yang dicipta.

Puji-pujian bagi Allah sahaja, dan Allah berkatilah
Tuan Muhammad kami, dan saudara-maranya dan ahli
keluarganya, dan Allah mencukupi bagi kami, dan betapa
baiknya Dia sebagai Penjaga!"

37 (yang menjadi)

38 (keluarganya)

39 toleh

40 (kerohanian)

41 (kerohanian)

42 (mereka)

43 (mereka)

44 (Tuhan)

45 (dalam isedahnya)

Kandungan

Bagaimana Raja jatuh cinta dengan dayang yang sakit dan buat persiapan untuk memulihkan kesihatannya.	68
Bagaimana ia menjadi nyata bahawa tabib-tabib tidak dapat menyembuhkan dayang itu dan bagaimana raja memalingkan wajahnya kepada Tuhan dan bermimpikan seorang wali.	70
Bagaimana wali itu menuntut daripada raja untuk bersendirian untuk tujuan menemui penyakitnya.	78
Bagaimana wali, setelah menemui penyakit itu, membentangkannya kepada raja.	82
Bagaimana raja menghantar utusan ke Samarkand untuk dapatkan tukang emas itu.	82
Kisah penjual barang runcit dan burung nuri dan berkenaan burung nuri menumpahkan minyak wangi di sebuah kedai.	88
Kisah orang Yahudi yang kerana ketaksuban membunuh orang Nasrani.	96
Bagaimana wazir mengajar raja merancang.	98
Bagaimana wazir membawa kepada orang Nasrani kesangsian dan kebingungan.	99
Bagaimana orang Nasrani membenarkan wazir menipu mereka.	100
Bagaimana Nasrani mengikut wazir itu.	101
Kisah Khalifah berjumpa Laila.	105
Penjelasan kecemburuan Wazir.	107
Bagaimana mereka yang bijaksana antara orang Nasrani nampak tipu helah Wazir.	108
Bagaimana raja menghantar risalah secara rahsia kepada wazir.	109
Penjelasan dua belas puak Nasrani.	110
Bagaimana wazir mengelirukan hukum-hukum Injil.	110
Menunjukkan bagaimana perbezaan terletak dalam bentuk pegangan, bukan dalam Jalan semula jadi hakiki.	114
Menjelaskan bagaimana wazir itu menerima neraka jahanam kerana mengambil bahagian dalam muslihat ini.	116
Bagaimana wazir memulakan satu lagi rancangan untuk menyesatkan orang. Bagaimana wazir menolak permintaan pengikutnya.	121
Bagaimana pengikutnya mengulangi permintaan mereka bahawa dia seharusnya gendalakan pengasingan dirinya.	123
Keengganan wazir mengganggu pengasingan dirinya.	124
Bagaimana pengikut-pengikut itu bangkitkan bantahan terhadap wazir mengasingkan dirinya.	125
Bagaimana wazir membuat pengikutnya putus harapan akan dia kerana tidak meninggalkan pengasingan diri.	130
Bagaimana wazir melantik setiap amir secara berasingan sebagai penggantinya.	130
Bagaimana wazir membunuh diri semasa dalam pengasingan diri.	131
Bagaimana orang-orang Isa, salam ke atasnya, bertanya kepada Amir-amir, "Siapakah antara kamu menjadi pengganti?"	132
Pertelingkahan Amir-amir mengenai pewarisan.	135
Bagaimana kehormatan diberikan kepada lakaran Mustafa, ke atasnya salam, yang disebut dalam Injil.	138
Kisah seorang lagi raja Yahudi yang bekerja keras memusnahkan agama Isa.	139

Bagaimana raja Yahudi memasang api dan meletakkan berhala di sebelahnya, dengan berkata: "Sesiapa yang sujud kepada berhala ini boleh melepaskan diri daripada api ini."	142
Bagaimana seorang anak mula bercakap di tengah api dan merayu kepada orang ramai untuk mencampakkan diri mereka ke dalam api.	144
Bagaimana mulut orang itu kekal herot-berot yang menyebut nama Muhammad, salam ke atasnya, dengan tujuan mempersendakan Bagaimana api menegur raja Yahudi.	148
Bagaimana raja Yahudi mengherdik dan menolak dan tidak menerima nasihat yang terdekat dengannya.	152
Menjelaskan bagaimana haiwan buruan memberitahu singa untuk bertawakal kepada Tuhan dan berhenti daripada berjihad.	156
Bagaimana singa menjawab haiwan-haiwan itu dan menjelaskan faedah jihad.	156
Bagaimana haiwan menegas kelebihan bertawakal kepada Tuhan berbanding dengan jihad dan perolehan Bagaimana singa berpegang bahawa berjihad dan perolehan lebih utama daripada bertawakal kepada Tuhan dan penyerahan diri.	157
Bagaimana haiwan lebih mengutamakan tawakal kepada Tuhan daripada jihad.	157
Bagaimana singa mengumumkan berjihad lebih afdal daripada bertawakal kepada Tuhan.	159
Bagaimana haiwan sekali lagi menekan kelebihan bertawakal kepada Tuhan daripada berjihad.	161

Bagaimana Izrail memandang seseorang dan bagaimana orang itu melarikan diri kepada istana Sulaiman dan meletakkan kelebihan bertawakal kepada Tuhan daripada berjihad dan ketidakgunaan yang kemudian Bagaimana singa mengisytiharkan sekali lagi berjihad lebih utama daripada bertawakal kepada Tuhan dan menghuraikan kelebihan berjihad.	164
Bagaimana kelebihan berjihad daripada bertawakal ditentukan.	166
Bagaimana haiwan buruan menyalahkan arnab liar kerana lambat pergi kepada singa itu.	167
Bagaimana arnab menjawab haiwan-haiwan itu.	167
Bagaimana haiwan membantah cadangan arnab liar.	167
Bagaimana arnab liar itu menjawab haiwan-haiwan itu sekali lagi.	168
Sebuah cerita mengenai ilmu arnab liar dan satu penjelasan mengenai kecemerlangan dan kelebihan ilmu.	170
Bagaimana haiwan-haiwan meminta arnab liar itu memberitahu rahsia fikirannya.	171
Bagaimana arnab liar menyembunyikan rahsia itu daripada mereka.	172
Kisah helah arnab liar itu.	173
Penghinaan penterjemahan buruk yang diberikan oleh lalat.	175
Bagaimana singa mengaum dengan marah kerana arnab liar lambat sampai.	176
Sambungan seterusnya rancangan arnab liar itu.	178
Kedatangan arnab liar itu kepada singa itu.	183
Permintaan maaf arnab liar.	183

Bagaimana singa menjawab arnab liar itu dan pergi dengannya.	186
Kisah burung hud-hud dan Sulaiman, yang menunjukkan bahawa apabila qadar Tuhan tiba, mata yang terang ditutup rapat.	188
Bagaimana gagak memburukkan kata-kata hud-hud itu.	190
Jawapan hud-hud kepada serangan gagak.	190
Kisah Adam, ke atasnya salam, dan bagaimana qada Tuhan menutup penglihatannya hingga dia gagal tumpukan makna jelas larangan dan menahan diri daripada mentafsirkannya.	191
Bagaimana arnab liar itu menarik diri daripada singa apabila ia mendekati perigi itu.	194
Bagaimana singa menanyakan sebab arnab liar mengundur ke belakang.	198
Bagaimana singa melihat ke dalam perigi itu dan melihat bayang-bayangannya dan arnab liar itu.	198
Bagaimana arnab liar membawa haiwan-haiwan buruan berita bahawa singa itu telah jatuh ke dalam perigi.	202
Bagaimana haiwan-haiwan berkumpul di keliling arnab liar dan bercakap dengan memujinya.	204
Bagaimana arnab liar itu menasihati haiwan-haiwan supaya jangan bergembira dalam perkara ini Penjelasan ke atas "Kami telah pulang daripada jihad kecil kepada jihad besar."	205
Bagaimana duta Rum datang kepada Amirul Mukminin, Umar, semoga Allah meredhainya, dan menyaksikan hadiah-hadiah limpah kurnia dengan apa Umar, semoga Allah redhainya, dikurniakan.	207
Bagaimana duta Rum jumpa Amirul Mukminin, Umar, semoga Allah meredhainya, tidur di bawah pokok.	210

Bagaimana duta Rum menyoal Amirul Mukminin, semoga Allah meredhainya.	213
Bagaimana Adam meletakkan kesalahan itu ke atas dirinya sendiri, dengan menyatakan, "Oh Rabb, kami telah melakukan kesalahan," dan bagaimana Iblis meletakkan dosanya sendiri ke atas Tuhan, dengan mengatakan, "kerana Kamu telah menggodaku."	217
Huraian ke atas "Dan Dia ada bersamamu di mana jua kamu berada".	220
Bagaimana duta itu bertanya kepada Umar, semoga Allah meredhainya, berkenaan sebab kesengsaraan yang dideritai roh-roh dalam jasad tanah liat ini.	221
Atas deria batin "Biar dia yang berhasrat duduk dengan Tuhan, duduk dengan orang-orang Sufi."	222
Kisah saudagar yang kepadanya burung nuri yang ditawan menyampaikan berita kepada burung-burung nuri di India semasa pemergiannya untuk berniaga.	224
Penyifatan mengenai sayap-sayap burung-burung yang ialah Kebijaksanaan-kebijaksanaan Tuhan.	227
Bagaimana saudagar melihat burung-burung nuri India di padang dan menyampaikan pesanan burung nuri itu.	228
Ulasan atas kata-kata Fariduddin Attar, semoga Allah menyucikan rohnya—"Kamu yang bercenderung terhadap hawa nafsu: Oh yang tidak mengendahkan, minumlah darah di tengah debu! Kerana sekiranya yang kuat kerohanian meminum racun, ia akan jadi satu penawar."	230
Bagaimana ahli-ahli sihir menunjukkan rasa hormat kepada Musa, ke atasnya salam, dengan berkata, "Apa yang kamu perintahkan? Adakah kamu akan campakkan tongkatmu dulu?"	231
Bagaimana saudagar ceritakan kepada burung nuri apa yang dia saksikan berkenaan burung-burung nuri di India.	235

- Bagaimana burung nuri itu mendengar apa burung-burung nuri itu telah lakukan, dan lalu ia pun mati di dalam sangkar, dan bagaimana saudagar meratapinya. 239
- Ulasan atas kenyataan Hakim "Apa sahaja yang menyebabkan kamu ketinggalan dalam Perjalanan, apa kisahnya sama ada ia kekufuran atau keimanan? Apa sahaja rupa yang menyebabkan kamu ketinggalan jauh daripada Yang Dikasihi, apa kisahnya sama ada ia hodoh atau cantik?" dan makna kata-kata Rasulullah, ke atasnya salam, "Sesungguhnya, Sad cemburu dan aku lebih cemburu daripada Sad dan Allah lebih cemburu daripada aku, dan sebab KecemburuanNya, Dia telah mengharamkan perbuatan-perbuatan jelik, kedua-dua yang zahir dan batin." 247
- Beralih kepada kisah saudagar yang pergi berniaga Bagaimana saudagar mencampak burung nuri keluar dari sangkar dan bagaimana burung nuri yang mati terbang pergi. 253
- Bagaimana burung nuri mengucapkan selamat tinggal kepada saudagar dan terbang pergi. 255
- Keberbahayaan apabila dihormati oleh manusia dan mengenai menjadi penarik perhatian. 255
- Penjelasan "Apa jua Tuhan kehendaki pasti akan berlaku". 258
- Kisah pemain kithar tua yang pada zaman Umar, semoga Allah meredhainya, pada suatu hari apabila ia sedang lapar, bermain kerana Allah di perkuburan. 262
- Penjelasan Hadis, "Sesungguhnya, Rabb kamu ada, pada hari-hari pada zamanmu, hembusan-hembusan tertentu: Oh, siapkanlah diri-diri kamu untuk nya! 266
- Kisah Aisha, semoga Allah meredhainya, bagaimana ia menanyakan Mustafa, ke atasnya salam, dengan berkata, "Ia hujan pada hari ini: walaupun kamu pergi ke kubur, bagaimana pula pakaianmu tidak basah?" 272

- Ulasan Sajak Hakim: "Dalam alam roh ada langit-langit menguasai di atas langit dunia ini. Dalam Jalan Roh ada tanah rendah dan tanah tinggi, ada gunung dan laut megah." 274
- Atas makna Hadis "Ambil kesempatan kesejukan musim bunga, dan sebagainya." 276
- Bagaimana Siddiqah, semoga Allah meredhainya, menanyakan Mustafa, Allah rahmatnya dan memberinya salam, berkata: "Apakah maksud batin hujan hari ini?" 277
- Baki kisah pemain kithar tua dan penjelasan perkara ini Bagaimana suara falak berkata kepada Umar, semoga Allah meredhainya, apabila dia sedang tidur, dengan berkata, "Berilah satu jumlah emas dari baitulmal kepada orang yang tidur di tanah perkuburan." 282
- Bagaimana tiang yang mengerang mengadu apabila mereka membuat sebuah mimbar untuk Rasulullah, ke atasnya salam, kerana orang telah ramai, dan berkata, "Kami tidak melihat wajahmu yang diberkati, apabila kamu menggesa kami" dan bagaimana Rasulullah dan Sahabat-sahabat mendengar aduan itu, dan bagaimana Mustafa bercakap dengan tiang itu dengan bahasa yang jelas. 283
- Bagaimana Rasul, ke atasnya salam, menunjukkan mukjizat dengan bercakapnya batu kerikil di tangan Abu Jahal, kelaknatan Allah ke atasnya, dan tanah mempersaksikan ke atas kebenaran Muhammad, ke atasnya rahmat dan salam Allah. 287
- Baki kisah pemain bunyi-bunyian dan bagaimana Amirul Mukminin, Umar, semoga Allah meredhainya, menyampaikan kepadanya risalah yang dikatakan oleh suara daripada falak. 288

295
Bagaimana Umar, semoga Allah meredhainya, memintanya memalingkan pandangannya daripada maqam tangisan, iaitu kewujudan, kepada maqam penyerapan Ulasan ke atas doa dua malaikat yang pada setiap hari membuat kenyataan di setiap pasar, dengan berkata, "Oh Tuhan, kurniakan ke atas setiap yang boros sesuatu yang berfaedah sebagai ganti! Oh Tuhan, kurniakan ke atas setiap yang tamak sesuatu yang terkutuk!" dan penjelasan bahawa yang boros ialah dia yang bertungkus-lumus sesungguhnya dalam Jalan Tuhan, bukan dia yang menghamburkan hartanya dalam jalan hawa nafsu.

297
Kisah Khalifah pada zamannya mengatasi Hatim al-Tayyi dalam kemurahan hati dan tidak ada tara.

302
Kisah pertengkaran seorang Arab miskin dan isterinya kerana kemiskinan dan kepapaan Bagaimana penuntut-penuntut tertipu mengenai keperluan mereka oleh penipu penyamar dan menganggap mereka itu Syeikh-syeikh dan orang-orang terpuji dan yang bersatu dan tidak tahu perbezaan antara kenyataan dan dongeng dan antara apa yang diikat dan apa yang telah tumbuh. Menjelaskan bagaimana ia mungkin berlaku, jarang-jarang, yang seorang penuntut secara ikhlas meletakkan kepercayaannya kepada penyamar palsu yang dia ialah tokoh dan dengan cara ini, kepercayaan mencapai ke tahap yang Syeikhnya tidak pernah mimpikan, dan api dan air tidak menyakitinya, walaupun ia menyakiti Syeikhnya, tetapi ini jarang berlaku.

302
Bagaimana Badwi itu menyuruh isterinya bersabar dan mengisytiharkan kepadanya kecemerlangan kemiskinan.

306
Bagaimana isteri menasihati suaminya, dengan berkata, "Jangan gunakan ungkapan-ungkapan yang melangkaui taraf dan pangkatmu — 'Kenapa kamu katakan apa yang kamu tidak ketahui?' Walaupun kata-kata ini adalah benar, namun kamu belum sampai ke darjat percaya kepada Tuhan, dan untuk berkata sebegini yang atas maqam dan amalan-amalanmu adalah bahaya dan 'sangat dibenci pada pandangan Tuhan'".

309
Bagaimana orang itu menasihatkan isterinya dengan berkata, "Jangan lihat dengan kebencian kepada yang miskin, tetapi anggaplah kerja Tuhan itu sempurna, dan jangan biarkan fikiran sia-siamu dan pendapat kemiskinan kamu sendiri menyebabkan kamu mencemuh kemiskinan dan mengutuk orang miskin."

315
Menjelaskan bagaimana gerakan setiap orang bermula dari tempat di mana dia berada dia nampak setiap orang dari bulatan kewujudan dirinya sendiri: cermin biru memperlihatkan matahari sebagai biru, cermin merah sebagai merah, apabila cermin itu melepaskan diri daripada warna, ia menjadi putih, ia lebih benar daripada semua cermin lain dan ialah Imam Bagaimana isteri mendengar nasihat suaminya dan merayu agar Tuhan mengampunkannya atas apa yang dia telah katakan.

319
Penjelasan Hadis "Sesungguhnya, mereka mengatasi orang yang berhikmat dan orang jahil mengatasi mereka."

319
Bagaimana orang itu mengalah kepada permintaan isterinya yang dia patut mencari jalan pencarian dan anggap tentangannya sebagai petunjuk Tuhan: Kepada akal setiap orang yang arif, ia menjadi kenyataan bahawa dengan putaran benda itu, ada sesuatu yang membuatnya berputar.

320
Memperjelaskan bahawa kedua-dua Musa dan Firaun tertakluk kepada kehendak Tuhan seperti racun dan penawar dan kegelapan dan pencahayaan, dan bagaimana Firaun bercakap bersendirian dengan Tuhan, berdoa yang Dia tidak akan musnahkan namanya.

324
Sebab kenapa yang tidak diberkati kecewa ke atas kedua-dua dunia, "Dia telah hilang kehidupan ini dan kehidupan yang akan datang."

327
Bagaimana mata deria menganggap Saleh dan unta betinanya sebagai terhina dan tanpa pejuang, apabila Tuhan hampir akan membinasakan sepasukan askar, Dia membuat musuh mereka kelihatan hina dan sedikit di mata mereka, walaupun musuh itu lebih hebat dari sudut kekuatan "dan Dia sedang membuat kamu sedikit di mata mereka supaya Tuhan mungkin melakukan satu benda yang sepatutnya dilakukan."

336
Atas makna "Dia membenarkan dua lautan bertemu satu sama lain: di antara kedua-duanya ada satu batasan yang kedua-duanya tidak mencari Mengenai ketidaksopanan seorang murid yang menganggap melakukan perkara-perkara yang sama seperti yang dibuat oleh wali, sebagaimana kuih manis tidak membahayakan tabib tetapi membahayakan pesakit, dan embun beku dan salji tidak membahayakan kepada anggur masak tetapi membahayakan buah yang muda: kerana dia dalam perjalanan kerana dia belum menjadi: "Bahawa Tuhan mungkin mengampunkan kamu akan dosa-dosamu yang dahulu dan akan datang."

338
Pengajaran daripada perbalahan orang Arab itu dengan isterinya.

338
Hati seseorang yang ikhlas sedang mencari pengajaran daripada perbalahan orang itu dan isterinya.

347
Bagaimana Arab itu menyediakan hatinya untuk permintaan yang dikasihinya dan bersumpah yang dengan menyerah dengan sedemikian, dia tidak mengadakan helah dan membuat ujian Bagaimana isteri mengkhususkan kepada suami cara untuk mendapatkan roti harian dan bagaimana dia menerima Bagaimana Arab itu mengangkat kendi air hujan dari pertengahan padang pasir sebagai hadiah kepada Amirul Mukminin di Baghdad dengan kepercayaan bahawa bandar itu juga kekurangan air.

352
Bagaimana isteri Arab itu menjahit kendi air hujan itu dalam kain kempa dan meletak meterai di atasnya kerana keyakinan habis-habisan Arab itu Menunjukkan bahawa oleh sebab pengemis bercinta dengan kurniaan dan bercinta dengan pemberi kurnia, jadi dengan itu kurnia pemberi kurnia bercinta dengan pengemis: sekiranya pengemis ada kesabaran yang lebih, pemberi kurnia akan datang ke pintunya, dan sekiranya pemberi kurnia ada lebih kesabaran, pengemis akan datang ke pintunya, tetapi kesabaran pengemis ialah nilai mulia dalam pengemis, sementara kesabaran pemberi kurnia ada dalamnya satu kecacatan.

353
Perbezaan antara seorang yang miskin untuk Tuhan dan mendahagakan Dia dan satu yang miskin akan Tuhan dan mendahagakan apa yang selain Dia.

355
Bagaimana pegawai-pegawai Khalifah dan pegawai adat-istiadat datang ke hadapan untuk memberi hormat kepada Badwi itu dan menerima hadiahnya.

358
Menunjukkan bahawa kekasih dunia ini ibarat dinding di atas mana sinaran matahari memanah, yang tidak berjihad atau membuat usaha keras untuk melihat bahawa keterangan dan kegemilangan tidak keluar dari dinding itu, tetapi dari bulatan matahari di Syurga ke Empat: akibatnya dia meletakkan seluruh hatinya ke atas dinding, dan apabila sinaran matahari bersatu kembali dengan matahari, dia ditinggalkan untuk selamanya dengan berputus asa: "dan satu penghalang diletakkan diantara mereka dan itu yang mana mereka inginkan."

359
Peribahasa Arab "Kalau kamu lakukan zina, lakukanlah dengan wanita bebas dan sekiranya kamu mencuri, curilah mutiara."

360
Bagaimana Arab itu menghantar hadiah itu, iaitu, kendi kepada pembantu-pembantu Khalifah.

362
Kisah apa yang berlaku antara ahli nahu dengan pendayung sampan.

- Bagaimana Khalifah menerima hadiah dan kurniakan pemberian, meskipun dia sesungguhnya tidak ada keperluan untuk hadiah itu dan kendi itu. 364
- Mengenai sifat-sifat Pir dan kesetiaan kepadanya. 372
- Bagaimana Rasul, ke atasnya salam, menyuruh Ali— semoga Allah memuliakan wajahnya, dengan berkata, “Apabila semua orang berikhtiar untuk berdekatan dengan Tuhan dengan cara satu perbuatan ibadat, carilah kamu keredhaan Tuhan dengan bersekutu dengan hamba Dia yang pintar dan terpilih supaya kamu mungkin yang pertama sekali sampai” 375
- Bagaimana orang daripada Qazwin mencacah bentuk singa dalam warna biru di bahunya, dan menyesal kerana mencucukkan jarum. 378
- Bagaimana serigala dan musang pergi berburu mengiringi singa. 381
- Bagaimana singa menguji akan serigala dan berkata, “Mari ke depan, Oh serigala, dan bahagikan buruan antara kami!” 383
- Kisah orang yang mengetuk pintu seorang kawan: kawannya dari dalam bertanya siapa dia: dia berkata, “Ianya aku,” dan kawannya menjawab, “Oleh sebab kamu ialah kamu, aku tidak akan buka pintu itu: Aku tidak tahu mana-mana kawan yang ialah ‘Aku’ Pergilah!” 385
- Bagaimana singa menghukum serigala yang telah menunjukkan sikap tidak hormat dalam membahagi 392
- Bagaimana Nuh, ke atasnya salam, mengugut orangnya, dengan berkata, “Janganlah kamu berlawan denganku kerana aku ialah hijab: kamu sebenarnya berlawan dengan Tuhan di lingkungan ini, Oh orang-orang yang mengabaikan Tuhan!”
- Bagaimana raja-raja mendudukkan di depan mereka Sufi-sufi yang mengenal Tuhan, supaya mata mereka mungkin disinari oleh mereka. 394

- Bagaimana tetamu itu datang kepada Yusuf, ke atasnya salam, dan bagaimana Yusuf menuntut daripadanya pemberian dan hadiah apabila pulang dari luar negara. 395
- Bagaimana tetamu itu berkata kepada Yusuf, “Aku telah membawa kamu hadiah cermin, supaya apabila kamu melihat ke dalamnya, kamu akan melihat wajah cerahmu sendiri dan mengingitiku.” 399
- Bagaimana penulis Wahyu murtad kerana sinaran Wahyu memanahnya, dia membaca ayat sebelum Rasul, ke atasnya salam, lalu dia berkata, “Jadi aku juga salah satu ke atas siapa Wahyu telah turun.” 402
- Bagaimana Balam, anak Baur berdoa dengan berkata, “Buatlah Musa dan orang-orangnya berpatah balik, tanpa mendapat apa yang mereka inginkan, dari bandar ini yang mereka telah serang” dan bagaimana doanya dikabulkan. 409
- Bagaimana Harut dan Marut meletakkan harapan kepada kesempurnaan mereka dan telah berhasrat untuk bercampur dengan orang-orang dunia ini dan tersungkur kepada penggodaan. 412
- Baki kisah Harut dan Marut dan bagaimana satu hukuman yang saksama dikenakan ke atas mereka, malah di dunia ini, di dalam lubang Babel Bagaimana orang yang pekak pergi menziarahi jirannya yang sakit. 416
- Yang pertama untuk membawa daya fikiran berkias ialah Iblis. 420
- Menjelaskan yang seseorang harus menyimpan kedudukan sendiri dan kemabukan tersembunyi daripada yang jahil. 423
- Kisah perdebatan antara orang-orang Yunani dan orang-orang Cina mengenai seni lukis dan pergambaran. 427

- Bagaimana Rasul, ke atasnya salam, tanya kepada Zaid, "Bagaimanakah kamu hari ini dan dalam keadaan apakah yang kamu telah bangun?" dan bagaimana Zaid menjawabnya, dengan berkata, "Pagi ini, aku sebenarnya seorang mukmin, Oh Rasulullah!" 431
- Bagaimana syak wasangka dilemparkan ke atas Lokman oleh hamba-hamba dan rakan sehamba yang mengatakan dia telah makan buah masak yang mereka bawa Baki kisah Zaid sebagai jawapan kepada Rasul, ke atasnya salam. 442
- Bagaimana Rasul, ke atasnya salam, berkata kepada Zaid, "Jangan dedahkan rahsia ini dengan lebih jelas daripada ini dan jaga-jaga supaya menunaikan" 447
- Berbalik kepada kisah Zaid. 448
- Bagaimana satu kebakaran besar berlaku di bandar pada masa Umar, semoga Allah redhainya. 452
- Bagaimana seorang musuh meludah ke muka Amirul Mukminin, Ali, semoga Allah memuliakan wajahnya, dan bagaimana Ali menjatuhkan pedang daripada tangannya sendiri. 454
- Bagaimana kafir itu menanyakan Ali, semoga Allah memuliakan wajahnya, dengan berkata, "Oleh sebab kamu dapat kemenangan ke atas seorang seperti aku, bagaimana kamu jatuhkan pedang dari tanganmu?" 459
- Bagaimana Amirul Mukminin memberikan jawapan kenapakah sebab beliau menjatuhkan pedang dari tangannya pada peristiwa itu. 461
- Bagaimana Rasul, ke atasnya salam, membisikkan di telinga pemegang rakap Amirul Mukminin Ali, semoga Allah memuliakan wajahnya, "Aku beritahu kamu, Ali akan mati di tanganmu." 467
- Bagaimana pemegang rakap Ali, semoga Allah memuliakan wajahnya, datang, dengan berkata, "Demi Tuhan, bunuhlah aku dan selamatkanlah aku daripada kebinasaan ini." 477

Memperjelaskan bahawa tujuan Rasul, ke atasnya salam, dalam berikhtiar untuk menawan Makkah dan lain-lain selain Makkah bukan kerana cintakan penaklukan dunia, sebagaimana yang dia kata "Dunia ini bangkai, tetapi, sebaliknya, kerana perintah Bagaimana Amirul Mukminin, Ali—semoga Allah memuliakan wajahnya!—katakan kepada lawannya, "Apabila kamu meludah ke wajahku, nafsuku telah membangkit, dan bertindak dengan ikhlas tidak ada lagi: yang itu menghindarkanku daripada membunuhmu." 481